




قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 31

RABU 5 OGOS, 1987.

رابعو 9 ذوالحجه 1407

PERCUMA

DYMM

Raja Isteri menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang juga selaku Penangung Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam PENJURU telah berkenan menerima mengadap seorang Perunding Jururawat dari Majlis Jururawat Antarabangsa di Geneva, Dayang Katherine McInerney.

Istiadat mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada 5 Ogos lepas.

Dayang McInerney tiba di negara ini pada 1 Ogos lepas dalam rangka lawatan enam hari bagi meninjau perkembangan dan kemajuan Persatuan Jururawat di sini sebelum ianya diterima menjadi ahli kepada Majlis Jururawat Antarabangsa.

Hadir sama di istiadat itu ialah Yang Dipertua Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam dan jururawat-jururawat kanan.

GAMBAR kanan kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan mengurniakan sebuah cenderamata kepada Dayang Katherine McInerney di majlis mengadap tersebut. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Bagi semua karya dan penerbitan berkaitan dengan negara:

UBD BERHASRAT JADI PUSAT SUMBER

Oleh: Dk. Fatimah PHMN

GADONG. — Universiti Brunei Darussalam berhasrat menjadi pusat sumber bagi semua karya dan penerbitan yang ada kaitannya di Negara Brunei Darussalam.

Hasrat tersebut merupakan rancangan jangka panjang yang sangat memerlukan antara lain bantuan dari pusat-pusat pengajian tinggi di dunia ini bukan saja dalam bentuk pertukaran sumber dokumen, tenaga pengajar dan penuntut tetapi juga pengendalian penyelidikan bersama.

Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib melahirkan hasrat demikian ketika merasmikan Seminar Antarabangsa Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Isnin lepas di Dewan Jubli Perak IPSHB.

Menurut Yang Berhormat sumber-sumber asli termasuk dokumen-dokumen berkaitan dengan negara ini ada tersimpan di negara-negara yang diwakili oleh pakar-pakar yang ada di seminar tersebut, untuk itu Yang Berhormat berharap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat menghulurkan bantuan kepada Universiti Brunei Darussalam bagi memperoleh semula sumber-sumber tersebut.

"Saya juga berharap supaya projek-projek penyelidikan secara spesifik dapat dikenalpasti dan penyelidikan secara bersama dapat difikirkan memandangkan tenaga akademik di negara ini masih lagi terhad, kerjasama seperti ini adalah suatu jalan yang munasabah untuk kita sama-sama memajukan smpadan ilmu pengetahuan dalam bidang kajian Melayu," jelas Yang Berhormat.

Untuk mencapai matlamat itu, Yang Berhormat Pehin menyeru pakar-pakar tempatan dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Sejarah dan institusi-institusi lain melibatkan diri ke arah itu, dengan meningkatkan kemahiran pakar-pakar tempatan di dalam penyelidikan masing-masing.

Menyentuh seminar berkenaan Yang Berhormat melahirkan harapan supaya Universiti Brunei Darussalam akan dapat memanfaatkan idea-idea baru yang pasti akan ditemui bukan saja bagi tujuan-tujuan penyelidikan tetapi juga memperbaiki kurikulum universiti khususnya di bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu.

"Universiti Brunei Darussalam yang masih begini muda memerlukan bantuan dan kerjasama dari universiti-universiti yang lebih matang dan berpengalaman. Bantuan yang dimaksudkan ialah pertukaran tenaga pengajar, pertukaran mahasiswa-mahasiswa dan penghantaran pengkaji-pengkaji akademik, kata Yang Berhormat.

MANISNYA IMAN

SESUNGGUHNYA mentera, azimat dan taulah itu adalah suatu kemusyrikan. Mereka bertanya: 'Wahai Allah! Mengenai azimat dan mentera kami tahu. Tetapi apa yang dimaksudkan dengan taulah?' Ujarnya: 'Ialah sesuatu yang dibuat oleh wanita-wanita untuk menarik kasih sayang suami-suami mereka terhadap mereka.' — Hadis Nabi riwayat Al-Hakim dan Ibnu Hibban.

PETIKAN TITAH

“ Dalam masa Awang-Awang dan Dayang-Dayang menuntut di luar negeri itu jangan pula Awang-awang dan Dayang-dayang lupa kepada adat resam yang sudah lama diwarisi dan begitu juga janganlah Awang-awang dan Dayang-dayang lupa untuk mengamalkan amalan-amalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala, dan hendaklah selalu mengingati akan ajaran-ajaran agama Islam seperti yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam yakni menurut Mazhab Shafiee dan ahli Sunnah Wal-Jemaah. ”

Ditahukan di majlis persantapan anjuran Persatuan Peruntut-Peruntut Brunei di United Kingdom di Dewan Persantapan, Lapau pada 25 Ogos 1981 sempena Hari Keputeraan Baginda ke-35

Kibarkan Bendera

BERIKUTAN untuk menyambut dan mengalu-alukan keberangkatan balik Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari selamat sempurna menunaikan Fardu Haji, adalah dengan ini dimaklumkan kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini supaya akan mengibarkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan bendera peribadi bagi Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Pengiran-Pengiran dan lain-lain mereka yang dikurniakan gelaran. Pengibaran bendera dan bercucuk ini bermula pada hari Selasa kelmarin sehingga tiga hari setelah keberangkatan balik Baginda.

*Lutanan ke atas harta awam
menjamin nilai hidup mulia*



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA HARI RABU

5 OGOS, 1987

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

SOKONGAN RAKYAT YANG BERTERUSAN: SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN BEGITU MENGESANKAN

SUASANA perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 masih lagi kita rasakan. Meskipun acara-acara kemuncak sudah berlalu tetapi acara sampingan masih lagi diteruskan. Ini suatu kesinambungan dalam kegigihan rakyat dan penduduk negara kita menguatkan lagi semangat kesetiaan terhadap kepimpinan bangsa dan negara.

Adalah suatu tradisi yang perlu kita pelihara dan kekalkan untuk sama-sama merasa bahagia dan sejahtera dalam menikmati suasana harmoni ketika menjalani musim-musim perayaan serupa ini. Keempat-empat daerah telah mampu memperlihatkan kesetiaan dalam menyumbangkan tenaga dan fikiran untuk sama-sama tambah mengesankan lagi suasana perayaan yang telah dan sedang kita lalui.

Semua peringkat di kalangan rakyat dan penduduk ikut serta menyumbangkan sesuatu tanpa mengira imbalan yang akan diterima. Semuanya diasaskan atas kesetiaan kita sebagai rakyat yang sayangkan raja, taat mengerjakan suruhan-suruhan agama di samping meningkatkan sokongan yang berterusan kepada kerajaan.

Keutuhan negara kita dalam mengekalkan dan memelihara kemandirian sosio-politik dan ekonomi dari dahulu hingga dewasa ini adalah berpunca daripada sikap kepimpinan yang bernaam lagi bijaksana serta sokongan rakyat dan penduduk yang berterusan baik di musim-musim perayaan mahupun di musim-musim lain. Dua faktor ini tidak dapat dipisahkan kerana hasil persefahaman dari kedua belah pihak telah mewujudkan sebuah kerajaan yang berwibawa.

Persefahaman rakyat dan penduduk dengan pihak kerajaan juga telah melahirkan suasana yang harmoni dan perpaduan yang tetap kental. Hanya dengan perpaduan, kita dapat maju dan membangun negara. Perpaduan ini pula disemai melalui penglibatan rakyat dan penduduk.

Kita tetap bersatu padu. Ini memberi laluan kepada kita untuk menghayati suasana masyarakat yang harmoni dan bermuafakat serta sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara serta membenteng segala kegiatan-kegiatan anti-sosial yang mungkin terdapat di negara kita.

Kita tidak merelakan musim perayaan ini dicemari dengan kegiatan-kegiatan anti-sosial atau tidak bermaruah yang setentunya bertentangan dengan ciri kebruneian kita yang sentiasa taat dan kuat beragama serta bersopan-santun.

Kegiatan anti-sosial atau yang tidak bermaruah ini mungkin terjadi di ruang terdedah atau di ruang terhad yang secara tidak langsung boleh menjejaskan kemandirian dan negara. Syukur Alhamdulillah, kegiatan-kegiatan anti-sosial ini dapat dibendung dengan adanya kerjasama dan sokongan yang bulet serta jitu dari rakyat dan penduduk.

Kemandirian yang berterusan dan kemajuan mental serta fizikal yang kita capai selama ini, dan yang akan datang adalah berkat sokongan rakyat dan penduduk dalam setiap ketika khususnya kepada kepimpinan bijaksana baginda.

Sikap pengelilingan kerajaan dalam memenuhi keperluan-keperluan rakyat dan penduduk telah menjadikan kita sentiasa bersyukur dan berterima kasih. Berbagai-bagai langkah dan dasar jangka panjang ternyata telah mendatangkan berjenis-jenis kejayaan kepada rakyat dan negara.

Sokongan rakyat dan penduduk kepada kerajaan bukanlah secara bermusim. Hakikatnya, ia sentiasa diamalkan dalam setiap ketika. Hanya di musim perayaan ini sokongan dan penglibatan itu agak ketara.

Sama juga halnya dengan perkhidmatan dan kepimpinan kerajaan kepada rakyat dan penduduk bukanlah menurut musim yang diberikan berdasarkan muslihat-muslihat jangka pendek. Kita berkeyakinan, setiap rakyat dan penduduk akan mengambil iktibar daripada manifestasi kesetiaan yang kita berikan dalam keutuhan bangsa dan negara.

Untuk mempercepat penghantaran mel:

GUNAKAN SISTEM POSKOD DENGAN SEBAIK-BAIKNYA

ALHAMDULILLAH, kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan berkat dan hidayah-Nya jua, maka pada hari ini kita dapat bersama-sama beramai-ramai berkumpul khusus bagi majlis Pelancaran Sistem Poskod Kebangsaan bagi seluruh Negara Brunei Darussalam dengan mengambil sempena jangka waktu Hari Ulang-tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali yang ke-41 tahun.

Dengan penubuhan Poskod ini, insya-Allah, kita penuh berharap akan dapat mempercepatkan lagi usaha-usaha penghantaran atau penyerahan mel iaitu dengan adanya alamat-alamat dan zon-zon yang terang dan nyata sebagaimana yang telah disusun di bawah Sistem Poskod Kebangsaan ini. Kepada semua yang telah menyumbangkan tenaga serta usaha terutama sekali kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos, saya ingin merekodkan penghargaan yang setinggi-tingginya, dan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam saya penuh berharap Sistem Poskod Kebangsaan ini akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya demi untuk mencapai matlamat yang dituju.

Selain daripada usaha untuk memperbaiki lagi sistem penghantaran atau penyerahan mel di dalam negeri, alhamdulillah, dengan berkat kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua, kementerian ini melalui Jabatan Perkhidmatan Pos juga meneruskan usaha-usaha bagi menubuhkan Speedpost "penghantaran cepat" di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara lain yang sehingga sekarang melalui Sistem Speedpost ini kita telah dapat menubuhkan di antara Negara Brunei Darussalam dengan sepuluh buah negara-negara lain dan insya-Allah, tertakluk kepada keupayaan dari semasa ke semasa kita akan seterusnya menubuhkan sistem ini dengan beberapa buah negara di Timur Tengah, Eropah dan Amerika.

Dengan usaha-usaha seperti ini dan beberapa pembinaan yang bercorak bangunan bagi menambah kemudahan-kemudahan lain yang dirancang melalui Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun, kita yakin Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam akan seterusnya dapat menghulurkan perkhid-



UCAPAN penuh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Bato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam ketika merasmikan pelancaran Sistem Poskod Kebangsaan bagi Negara Brunei Darussalam bertempat Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan pada 14 Julai, 1987.

matan dan layanan yang seimbang dengan keperluan masa dan secukupnya dengan aspirasi negara.

Menyentuh sedikit terhadap perkhidmatan telefon, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian ini sedia menyedari, berasaskan penelitian yang terperinci terhadap masalah kekurangan telefon di seluruh pelusuk negara di mana terdapat masih banyak pemohon-pemohon menunggu berbulan-bulan dan ada juga yang bertahun. Sebenarnya perkara ini bukanlah satu hal yang seghaja ditimbulkan. Apa yang telah berlaku ialah pertumbuhan keperluan telefon telah jauh melebihi dari apa yang mula dijangkakan iaitu dengan adanya perkembangan-perkembangan pembinaan yang sangat cepat. Selain daripada itu, sebagai sebuah negara yang mengimport seakan-akan semua bahan keperluan terutama alat perkakas dan lain-lain alat teknologi, kita juga tertakluk kepada suasana politik ekonomi negara-negara pengeluar selain daripada kita mesti berhati-hati dalam memilih alat-alat perkakas yang ditawarkan di pasaran dunia supaya jangan sampai negara kita, Negara Brunei Darussalam menjadi tempat pembuangan alat-alat yang sudah ditinggalkan masa atau

sebagai satu tempat percubaan alat-alat baru. Dengan faktor-faktor yang seperti ini sekarang kita sedang mengalami suatu keadaan yang menunjukkan lebih banyak permohonan-permohonan untuk mendapatkan telefon di dalam negeri daripada kemampuan kita mengadai pada peringkat ini.

Walau bagaimanapun, melalui Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun, alhamdulillah, beberapa projek pada masa ini sedang kita lancarkan dalam jangka waktu yang sesingkat-singkatnya. Selain daripada itu, Jabatan Telekom juga sedang mengatur dan menyusun beberapa usaha untuk menyesuaikan sistem-sistem dan corak-corak pelaksanaan yang lebih efektif dan membawa kesan yang lebih efisien seimbang dengan keupayaan tenaga yang ada pada kita, pada misalnya, pengambilan kakitangan-kakitangan teknik sedang diperderaskan peranan-perancangan bagi melakukan talian telefon sedang dikendalikan oleh badan-badan konsultasi yang profesional, pembelian cable dan seumpamanya. Dengan cara ini, insya-Allah lebih banyak lagi talian telefon akan dapat disambung. Pada masa ini kita mempunyai keupayaan setakat 10 ribu talian yang dalam proses penyambungan dan melalui projek yang sedang dilak-

sanakan oleh sebuah Syarikat dari West Germany, lebih kurang 24 bulan dari sekarang, insya-Allah, kita akan dapat pula menyambung sejumlah 47 ribu talian telefon. Dengan kedudukan ini, kita penuh yakin pada waktu-waktu itu kalau pun tidak terdapat lagi pemohon pemohon yang menunggu, sekurang-kurangnya tidak banyak lagi permohonan permohonan yang tidak mendapatkan layanan yang sewajarnya. Kita menuju ke arah "zero waiting list".

Hanya apa yang saya seterusnya memohon kepada pelanggan-pelanggan atau pemohon-pemohon supaya akan terus bersabar dan sama-sama berdo'a mudah-mudahan tidak akan terdapat aral gundala dalam pelaksanaan projek-projek yang sama-sama kita harapkan kejayaannya itu. Selain daripada itu, saya juga ingin menasihati seluruh rakyat dan penduduk negara ini untuk menyediakan kemudahan telefon seperti socket bagi bangunan-bangunan baru sebagaimana jua persediaan-persediaan dibuat untuk kemudahan kemudahan seperti jempera hawa-dingin, bekalan air dan elektrik dan seumpamanya. Dengan jalan ini, apabila persediaan-persediaan atau projek-projek yang saya sebutkan itu telah sampai kepada peringkat kemampuhan, maka usaha-usaha un-

Lihat muka 8

**Poskod Kunci Alamat
Poskod tepat, penyerahan cepat**

KEDUTAAN KITA DI LUAR NEGERI SAMBUT HARI KEPUTERAAN DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jakarta telah mengadakan majlis sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perluan Negara Brunei Darussalam kali ke-41 tahun.

Majlis tersebut telah berlangsung di ASEAN Sekretariat di Jakarta pada 15 Julai yang lepas.

Tuan Yang Terutama Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Indonesia telah memberikan ucapan di majlis tersebut.

Turut hadir di majlis itu termasuklah Tuan Yang Terutama Profesor Dr Mochtar Kusumaatmadja, Menteri Luar Indonesia; Tuan Yang Terutama Dr Abdul Gfur, Menteri Negara Pemuda dan Olahraga dan Tuan Yang Terutama Bapak Soepardjo Roestam, Menteri Dalam Negeri.

Sementara itu Kedutaan Besar Brunei Darussalam di Kaherah telah juga mengadakan majlis yang sama pada 15 Julai bertempat di Dewan Cairo, Meridien Hotel.

Lebih daripada 200 orang jemputan telah menghadiri majlis tersebut. Kehadiran para tetamu kehormat telah dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Kassim bin Haji

Mohd. Daud, Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah.

Antara yang hadir di majlis itu termasuklah Tuan Yang Terutama Tuan Ismail Mubarak, Pengarah Protokol, Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri, Mesir, pegawai-pegawai Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri Mesir, duta-duta ASEAN dan duta-duta negara lain yang mempunyai kedutaan di Kaherah.



KELIHATAN Tuan Yang Terutama Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia ketika memberikan ucapan di majlis tersebut. Di kiri Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Mochtar Kusumaatmadja, Menteri Luar Republik Indonesia. — Gambar ihsan KHELN.

Kegiatan bercorak Islam patut dapat galakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin menegaskan kegiatan yang bercorak Islam patutlah mendapat galakan dan diberi pujian.

Ke arah itu, menurut Dato Paduka Haji Mohammad, adalah berfaedah supaya kita sentiasa memperluaskan diri dengan pengetahuan agama Islam.

Dato Paduka Awang Haji Mohammad berucap demikian ketika merasmikan pertandingan membaca Al-Quran antara kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka sempena Jubli Perak yang telah berlangsung di Balai DBP di sini pada 23 Julai yang lalu.

Pertandingan membaca Al-Quran seumpama, ini, menurut Pegawai Daerah Brunei dan Muara bolehlah dianggap sebagai satu pertandingan yang baik untuk tenaga jentera pentadbiran Kerajaan menjadikan budaya Islamisasi sebagai pendorong meningkatkan syiar Islam.

"Mudah-mudahan dengan sedemikian kita tidak liku menuju dan menjalani aspirasi negara yang menghasratkan agar Islam tetap menjadi cara hidup yang lengkap lagi sempurna," kata Dato Paduka Haji Mohammad.

Sebagai kumpulan yang memberi khidmat kepada orang ramai, kita, kata Dato Paduka Haji Mohammad hendaklah bersedia menjadi pemimpin dan contoh teladan yang baik, berdiri di hadapan dan menjadi petunjuk ke arah Islam sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna itu.

Menyentuh mengenai dengan sumbangan dan perkembangan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam pembangunan negara, Dato Paduka Haji Mohammad berkata, DBP bukan sahaja sebagai ejen untuk melihat peresapan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa nasional dan rasmi tetapi fungsi yang sekarang mencakup pada memperkem-

bang dan meluas, mengangkat sosia-budaya manusia Brunei untuk mencapai kemajuan dalam penerusan pembangunan.

Menurut Dato Paduka Haji Mohammad lagi, kegiatan DBP secara langsung berupa penyediaan dan penanaman modal pada melahirkan masyarakat yang menigini dan menyayangi ilmu dan budaya.

"Kita semakin didedahkan dan didekatkan dengan budaya membaca dengan beberapa kemudahan dan tarikan yang disediakan. Kita dapat melihat kegigihan DBP dalam memeduli dan mengasuh rohani anak-anak dan muda belia supaya berhemah tinggi dan berdisiplin dalam mengharungi kehidupan," tegas Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Selain daripada itu juga, kata Dato Paduka Haji Mohammad, masyarakat diperkenalkan dengan warisan seni budaya bersesuaian sebagai cara hidup yang bertata-susila yang tidak bercanggah dengan aspirasi bangsa timur.

Kajian serangga penyakit untut

TUTONG. — Pasukan Kaji Serangga Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan akan menjalankan pengambil contoh-contoh darah untut dari penduduk-penduduk lima buah kampung dari Daerah Tutong dalam bulan Ogos.

Pasukan itu akan melawat dari rumah ke rumah untuk tujuan tersebut dari pukul 7 malam adalah seperti berikut:-

10 — 12 Ogos, 1987 — Kg. Tanjung Maya, 17 — 19 Ogos, — Kg. Lubok Pulau, 24 dan 25 Ogos, — Kampung Penapar, 29 Ogos, — Kg. Sebakit.



GAMBAR menunjukkan Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Kassim, Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah berbual dengan Tuan Yang Terutama Tuan Ismail Mubarak, Pengarah Protokol Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri Mesir (kiri) berserta seorang pegawai kanan kementerian tersebut. — Gambar ihsan KHELN.

Angka Tunjuk Harga Barang Pengguna bagi bulan Mei

BANDAR SERI BEGAWAN.

Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan Mei 1987 ialah 150.7 mata dan ini adalah sama dengan angka tunjuk bagi bulan April 1987. Berbanding dengan angka tunjuk bagi bulan Mei 1986, angka tunjuk bagi bulan yang dilaporkan ialah 1.3% lebih tinggi.

Jika dibandingkan dengan bulan sebelumnya, angka tunjuk bagi kumpulan "Makanan" adakah tidak berubah walaupun terdapat beberapa perubahan pada angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan kecil dalam kumpulan ini. Angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah tidak berubah.

Bagi kumpulan "Makanan", angka-angka tunjuk bagi kumpulan-kumpulan kecil "Ikan" dan "Buah-Buahan" telah naik tetapi ini tidak menjejaskan angka tunjuk bagi kumpulan ini disebabkan oleh keturutan yang seimbang bagi angka tunjuk kumpulan kecil "Sayur-Sayuran" dan Hasil Sayur-Sayuran."



DATO Paduka Awang Haji Mohammad, Pegawai Daerah Brunei dan Muara menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta. — Gambar ihsan DBP.

Persediaan Peperiksaan City and Guilds of London

BANDAR SERI BEGAWAN.

Persediaan-persediaan sekarang sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan City and Guilds of London Institute bagi bulan Disember 1987 dalam mata-mata pelajaran yang tertentu di negara ini.

Calon-calon sekolah boleh mendapatkan borang-borang permohonan daripada Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, Brunei; Pengetua Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait dan Ketua Latihan Teknikal, Stanikar Minyak Shell Sendirian Berhad, Seria.

Calon-calon persendirian bolehlah mendapatkan borang-borang permohonan dari Jabatan Peperiksaan, Bandar Seri Begawan 2047, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar kepada Jabatan Peperiksaan, Bandar Seri Begawan 2047, Negara Brunei Darussalam secara tunai atau cek.

Semua borang-borang permohonan yang telah diisi bersama dengan surat-surat kebenaran bagi menduduki peperiksaan, jika ada, daripada City and Guilds of London Institute hendaklah sampai ke Jabatan Peperiksaan, Bandar Seri Begawan 2047, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada 31 Ogos, 1987.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS..... Siri ke-392

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

DALIL yang menyatakan keluarnya Al-Imam Al-Mahdi pada akhir zaman menurut kitab Ithaafu dzawil fadhailil musytahirati bimaa waqa'a minaz ziaadati fi naddmil mutanaathiri 'alal azhaaril mutanaathirah, karangan Ash-Sheikh Abdul Aziz bin Muhammad bin As-Siddiq Al-Ghumaari Hafizhullah, dia telah menambah di atas kitab Al-Azhaarul mutanaathiratu fil akhbaaril mutawaathirati lilimaamis suyuuti, dan di atas kitab Nadmul mutanaathiri minal hadiithil mutawaathiri li shaikhi ba'dhi syuyukhinnaa Al-Imam Muhammad bin Jaafar Al-Kattaani yang hidup tahun 1274 sehingga 1345 Hijrah Rahimahullahu Ta'ala, dicetak di Mesir dengan nama Al-Azhaarul Mutanaathiratu fil ahaadithil mutawaathirati lilimaamis suyuuti wayalilhi ithaafu dikarangnya pada tahun 1371 Hijrah.

Katanya: Bahawa hadis-hadis yang menyatakan perkara Al-Imam Al-Mahdi yang akan keluar pada akhir zaman, yang bernasab dari nasab Saidatuna Fatimah binti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu, diriwayatkan oleh dua puluh orang sahabat Rasulullah iaitu sahabat-sahabat Ibnu Mas'ud, Ummu Salamah, Ali Alaihis Salam, Abu Sa'ed, Thauban, Qurrah bin Jasil Muzanni, Abdullah bin Al-Harith bin Jaz, Abu Hurairah, Huzaifah bin Al-Yaman, Ibnu Abbas, Jabir bin Abdullah, Othman, Abu Ummah, Ammar bin Yasir, Jabir bin Majid As-Sadafi, Ibnu Umar, Talhah bin Abdullah, Anas bin Malik, Abdur Rahman bin 'Auf dan 'Imran bin Husain. Hadis ini adalah mutawaathir.

Ini dia 20 orang sahabat yang telah meriwayatkan hadis-hadis yang berkenaan dengan Al-Imam Al-Mahdi yang akan keluar pada akhir zaman, yang berketurunan daripada nasab Saidatuna Fatimah binti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana hadis-hadis tersebut adalah hadis mutawaathir sebagaimana yang telah diterangkan tadi.

Berkata Al-Imam Abu Hanifah dalam Al-Fiqhul Akhbar yang meninggal tahun 150 Hijrah bahawa keluar Dajal dan kaum Yakjuj dan Makjuj dan naik matahari dari barat, turun Nabi Isa Alaihis Salam dari langit dan segala tanda-tanda hari kiamat menurut sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadis-hadis yang sah dan benar semuanya itu hak dan benar akan berlaku. Demikian kata Al-Imam Abu Hanifah. Menurut Nasakhul Fiqhul Akhbar yang disyarahkan oleh Ash-Shaikh Abu Al-Muntaha Ahmad Al-Mughnisawi Al-Hanafi.

Berkata Al-Imam Abu Hanifah dalam Al-Fiqhul Akhbar Syarhu Imumil Mutakallimin, Wara'isul ahli sunnah bu Mansuurin Muhammadin Al-Hanafi Al-

Maaturidi yang meninggal tahun 333 Hijrah: Barangsiapa mengadakan sesuatu dalam Islam nescaya ia telah binasa, dan barangsiapa yang berbuat bid'ah nescaya ia sesat, dan barangsiapa telah sesat maka dalam neraka tempatnya.

Maka menurut Al-Imam Abu Hanifah segala tanda-tanda hari kiamat semuanya benar menurut hadis-hadis. Maka satu dari tanda hari kiamat ialah keluar Al-Imam Al-Mahdi. Al-Imam Abu Hanifah telah dikatakan ia orang Taabi'ain kerana dia telah melihat dan berjumpa sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam atau dikatakan dia tiada berjumpa sahabat, maka ia orang Taabi'ut Taabi'ain. Maka zaman Ash-Sahabat dan zaman At-Taabi'ain dan zaman Taabi'ut Taabi'ain, sehingga kurun yang ketiga dikatakan orang As-Salafus Saaliin. Maka hadis berkenaan dengan Al-Imam Al-Mahdi telah diriwayatkan oleh Umar Islam daripada 20 sahabat dan telah diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim yang meninggal tahun 204 Hijrah sehingga 261 Hijrah dan Al-Imam Ahmad yang meninggal tahun 146 sehingga 241 Hijrah dan lain-lain ulama hadis dalam As-Sahih dan Al-Musnad dan As-Sunan dan lain-lain.

Berkata Al-Imam Abu Ja'afar Ahmad Al-Mesri Al-Hanafi yang dikenal dengan At-Tahaawi yang hidup tahun 237 sehingga 321 Hijrah dalam kitabnya Al-Aqidatut Tahaawiyah: kita berpendapat bahawa Ahli As-Sunnah Wal-Jema'ah itu benar dan betul dan menyalahi mereka adalah berpaling dari benar dan azab tempatnya.

Berkata Al-Imam Abu Al-Hassan Ali bin Ismail Al-Ash'ari pemimpin agung mazhab Al-Ash'ari yang meninggal pada 333 Hijrah dalam kitabnya Al-Ibaanah: Kita beragama dan mengaku kasihkan orang-orang Salaf yang telah Allah 'Azza Wajalla pilih mereka menjadi sahabat kepada Nabi Saidina Muhammad Alihis Salaatu Wasallam dan kita memuji mereka dengan apa yang telah Allah puji mereka (seperti dalam Al-Quran) dan kita hampir kepada mereka dengan tiada menjauhi diri daripada mereka.

Kita berpendapat bahawa kita mendoakan pemerintah-pemerintah umat Islam (raja-raja) dan kita mengakui akan kuasa-kuasa mereka dan kita berkata sesat sesiapa yang merontak keluar dari kuasa raja-raja itu, apabila raja-raja itu keluar dari jalan Istiqamah dan kita beragama dan mengaku dengan kita ingkar dan kita bantah perkara merontak di atas mereka dengan senjata dan kita tinggalkan dari berperang ketika berlaku sesuatu perbalahan dan kita percaya dan berikrar bahawa Dajal itu akan keluar sebagaimana riwayat hadis

telah menyebutkan daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dan kita mengaku bahawa kita taat kepada raja-raja kita dan berkawan dengan orang-orang Islam.

Kita berpendapat bahawa menjauhi diri dari tiap-tiap orang yang menyeru pada bid'ah dan menjauhi diri daripada tiap-tiap puak Ahlul Hawaa (yang mengikut hawa nafsu dari puak-puak yang sesat) adalah benar.

Berkata Al-Allamah Kamaluddin Ahmad Al-Bayaadhi Al-Hanafi yang hidup tahun 1044 sehingga 1094 Hijrah dalam Ishaaraatul Maraami min 'ibaaraatil imam' ketika ia mensyarahkan Al-Fiqal Akbar dalam perkara rukun iman dan Islam dan Ihsan dan tanda-tanda hari kiamat menurut riwayat Al-Imam Abu Hanifah daripada sahabat Abdullah bin Umar pada perkataan yang artinya tanda-tanda yang menunjukkan hampir hari kiamat banyak iaitu semulia-mulia orang dalam dunia yakni orang hina anak orang hina, dihinakan orang-orang yang baik dan dimuliakan orang-orang yang jahat, orang darat memiliki orang bandar dengan paksa, mereka mendirikan bangunan tinggi-tinggi, banyak hamba sahaya perempuan, alamat tanda hampir-hampir saat kiamat iaitu keluar Al-Imam Al-Mahdi, banyak berlaku pembunuhan, keluar dajal, banyak harta sehingga seorang tiada mahu akannya, kering air sungai Furaat menazhirkkan gunung emas, keluar binatang dari bumi, keluar kaum yakjuj dan makjuj, terbit matahari dari sebelah barat dan lain-lain perkara yang telah dinyatakan oleh hadis-hadis yang sah dan benar.

Al-Allamah Al-Bayaadhi ini sebagaimana kata Al-Allamah Al-Baari' Ash-Shaikh Al-Kauthari iaitu kadi dan anak kepada seorang kadi yang datang dari keluarga alim Islam dan keluarga kadi dan Fiqh semasa berada di Mekah dan ketika ia mengarang kitab Al-Ishaarat itu ia menjadi kadi dari pihak Kerajaan Turki Bani Othman dan kemudian menjadi kadi besar bagi negeri dan jajahan Turki. Dan ia memuji Al-Bayaadhi dengan katanya Al-Hijrul Bahrul Humaam, 'Umdatul Mutaakhkhirina fi 'ilmil kalam.

Berkata Al-Imam Al-Mutafannin Sa'adud Diin At-Taftazani yang hidup tahun 712 Hijrah sehingga 791 Hijrah ketika ia mensyarahkan Al-Qaaidum Nasafiyah lilimaam Al-Humaamu najmuddin Umar An-Nasafi yang hidup tahun 461 sehingga 537 Hijrah (kitab Tauhid yang terkenal): Apa yang dikhabarkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dari tanda-tanda hari kiamat iaitu keluar Dajal dan keluar binatang dari bumi dan keluar yakjuj dan makjuj dan turun Nabi

Isa Alihis Salam dari langit, terbit matahari dari barat maka semuanya itu hak dan benar kerana perkara-perkara itu perkara Mumkii (boleh berlaku) yang telah dikhabarkan oleh As-Saadiq yang benar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Berkata sahabat Huzaifah bin Asiid Al-Ghumaari: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah datang kepada kami sedang kami bermuzakarah, sabdanya: "Apa yang kamu muzakarah dan bahaskan itu?" Kami berkata: "Kami sedang memperkatakan dalam perkara hari kiamat." Sabdanya: "Bahawa kiamat itu tiada akan bangkit sehingga kamu melihat sebelumnya 10 perkara." Ia sebutkan: "Asap masuk ke hidung (orang Islam dan orang kafir), keluar Dajjal, binatang keluar dari bumi, terbit matahari dari barat, turun Nabi Isa bin Maryam, keluar yakjuj dan makjuj dan tiga Khasf: satu Khasf yanki bumi tenggelam di sebelah timur, satu lagi bumi tenggelam di sebelah barat dan satu bumi tenggelam di Tanah Arab dan akhir tanda itu ialah api keluar dari Yaman (atau dari Hadra Maut pada hadis lain), menghalau manusia ke tempat mahsyar mereka (Sham)."

Katanya: Hadis-hadis yang betul, benar dan sah dalam perkara tanda kiamat itu sangat banyak, sesungguhnya telah diriwayatkan banyak hadis dan banyak athar pada menerangkan tafsir dan kifatnya maka hendaklah kamu mencari dalam kitab-kitab tafsir dan sirah dan tawarikh. Tamat katanya. Hadis ini diriwayatkan oleh Imam-imam Muslim Abu Daud, At-Termidzi dan Ibnu Majah sebagaimana dalam At-Tasrih.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Ta'arruf fil aslam wataa'uf yang hidup tahun 909 Hijrah sehingga tahun 974 Hijrah serta syarahannya Al-Usulu ilat ta'arrufil alaamati Ibnu 'Allan yang hidup tahun 996 Hijrah sehingga 1057 Hijrah.

Nabi Isa apabila ia turun dari langit adalah ia menjadi umar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana ia bermaklum dengan Al-Imam Al-Mahdi dan ia (Isa) menjadi pemerintah dengan mengikut syariat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam atau ia berjihad menurut Quran.

Berkata Al-Allamah Ibnu 'Allan ketika mensyarahkan perkataan Al-Imam Ibnu Hajar: Apabila ia turun dari langit pada masa keluar Al-Imam Al-Mahdi, dan ketika keluar Dajjal dan angkarnya di atas bumi, dan turun Nabi Isa itu di Masjidil Umawi di Syam (di Mashq) adalah ia yakni Isa menjadi seorang daripada umat Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengikut hukum Syariat Nabi Muhammad kerana telah dimansuhkan segala syariat sebelumnya dengan syariat

Siri pertama

Nabi Muhammad kerana ia mengikut sembahyang dengan berimamkan Al-Mahdi mula-mula ia turun. Ketika ia turun itu orang Islam sedang berigamah hendak mendirikan Sembahyang Subuh dengan berimamkan Al-Imam Al-Mahdi dan Nabi Isa turut bersembahyang di belakang Al-Imam Al-Mahdi. Telah tersebut dalam hadis dari beberapa jalan (riwayat). Dan ia (Isa) menjadi hakim (dan pemerintah) mengikut Syariat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Menurut suatu hadis Nabi kita Sallallahu Alaihi Wasallam dalam perkara Isa berbunyi (Hakaman), pada suatu riwayat lain berbunyi (wahakaman 'adlan) dan pada suatu riwayat lain berbunyi: Nabi Isa bin Maryam beriman kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan percaya agama yang iaitu Nabi Isa belajar agama Islam daripada Nabi kerana Nabi kita Sallallahu Alaihi Wasallam itu hidup di dalam kuburnya.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar lagi: Apa yang diriwayatkan daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari perkara tanda-tanda hari kiamat seperti keluar Dajjal dan Al-Imam Al-Mahdi dan turun Nabi Isa Sallallahu Taala Alaihi Wasallam dan ia mengikut pemerintah orang Islam menunjukkan dia turun menjadi hakim atau pemerintah orang Islam menunjukkan dia turun menjadi hakim atau pemerintah dengan memakai syariat Nabi kita Sallallahu



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Menteri Kerajaan.

Alaihi Wasallam dengan ia mengambil hukum-hukum itu daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan ia bercakap dengan Baginda Rasulullah dan dengan ijtihad juga.

Berkata Al-Allamah Ibnu 'Allan ketika mensyarahkan ibarat yang di atas ini: Tanda-tanda yang besar bagi hari kiamat dan Dajjal itu ialah seorang kafir yang mendakwa dirinya Tuhan iaitu pada masa keluar Al-Imam Al-Mahdi dan Dajjal itu akan dibunuh oleh Nabi Isa Alaihis Salam dan Al-Imam Al-Mahdi itu ialah dari bangsa Quraisy, bangsa Hashimi, anak keturunan Saidina Al-Husain dan Saidina Al-Hassan dan turun Nabi Isa itu pada akhir-akhir zaman Al-Imam Al-Mahdi itu dan Nabi Isa itu mengikut perintah Al-Imam Al-Mahdi dan sebab ia mengikut perintah Al-Imam Al-Mahdi kerana menyatakan kepada ramai bahawa ia menjadi hakim menjalankan syariat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka Nabi Isa sembahyang sebagaimana lain-lain umat Islam bersembahyang, satu ketika ia akan menjadi maklum dan satu ketika yang lain ia menjadi imam. Tamat katanya.

Al-Imam Ibnu Hajar itu dikenal oleh ulama Islam dan ia adalah ulama yang terkemuka dalam mazhab Ash-Shafi'ie sebagaimana yang kita telah maklum.

WALLAHUAKLAM.
(bersambung)

Permit bagi usahakan Sekolah Mengajar Memandu kini dibuka

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Melesen Kenderaan Bermotor (Sekolah Mengajar Memandu) akan mengeluarkan Permit bagi mengusahakan Sekolah Mengajar Memandu di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohonkan permit-permit yang berkenaan.

Selain daripada kehendak di atas, pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut:—

*Pemohon adalah dikehendaki menyertakan satu Salinan Sijil Pendaftaran "Business Names Enactment 1958 (Section 16 and Section 17) atau Memorandum and Article of Association."

*Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengemukakan bukti-bukti yang berupa dokumen atau semapamnya tentang tempat, sekolah memandu, jurulatih-jurulatih dan kenderaan-kenderaan yang akan digunakan.

(a) Memiliki Lesen Memandu Brunei yang sah dan telah memandu selama 5 tahun dengan tidak memiliki rekod kesaizahan lain-lain jalan raya.

(b) Mempunyai kenderaan yang sesuai untuk digunakan bagi tujuan mengajar memandu.

(c) Mempunyai bilik yang boleh diadun bilik darjah berukuran tidak kurang dari 10 kaki x 14 kaki dengan dilengkapi alat-alat mengajar yang asas seperti meja, kerusi, papan hitam dan lain-lain jika perlu.

(d) Bersejua memandai dan mempamerkan nama dan

Lihat muka 8

BERTAKWALAH tuan-tuan ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Apabila kita bercakap tentang kesihatan, orang hanya akan faham tentang kebersihan tubuh badan atau tentang kebersihan pakaian itu sahaja. Tetapi dalam agama Islam adalah berlainan, di mana agama Islam sangat-sangat mementingkan penjagaan kebersihan dan kesihatan. Sehingga masuk jamban dan keluarnya pun ada cara yang disebut sebagai intinjak. Islam juga menggalakkan bercuci gigi, mandi wajib dan sunat dan sebagainya.

Dalam menunaikan amal ibadat juga didahulukan membersihkan diri daripada hadas kecil atau besar umpamanya wuduk diwajibkan ketika hendak sembahyang. Ini bertujuan untuk mengelakkan dan membersihkan kulit kita dari jangkitan penyakit kulit, menghalang kemasukan kuman-kuman ke dalam badan.

Dari segi makanan pula, Islam menitikberatkan supaya benda-benda yang dimakan itu hendaklah dari benda-benda yang suci dan halal. Bukan hanya makan sesuka hati, kerana memakan barang-barang yang tidak suci dari kaca mata Islam boleh memberi kesan kepada jiwa kita. Arak tidak boleh diminum kerana ia mengandungi alkohol yang merosakkan akal fikiran dan tubuh badan. Islam juga mengaturkan hidup berkeluarga secara yang diredai-Nya iaitu secara akad nikah, supaya anak-anak yang dilahirkan itu diakui sah menerusi hukum syarak dan sekaligus memelihara keturunan-keturunan yang baik-baik.

Inilah dia agama Islam. Agama yang mengaturkan panduan hidup yang mulia. Panduan hidup ini digubal oleh Allah, Tuhan yang maha mengetahui segala-galanya. Kerana itulah aturan agama jangan diketepikan, dipandang ringan, dipandang soal-soal peribadi sahaja, sekalipun kita hidup dalam

Allah kasih kepada orang yang banyak berdoa

BERDOA atau meminta kepada Allah Taala sama ada ia berupa doa yang bercorak keduniaan ataupun doa yang bercorak keakhiratan, adalah merupakan suatu amal ibadat yang kelak akan dibalas oleh Allah dengan pahala. Seorang hamba Allah yang sentiasa atau banyak berdoa kepada-Nya adalah lebih disukai dan dikasihi-Nya daripada seorang hamba yang jarang atau sama sekali tidak berdoa, kerana Allah sendiri telah menyuruh hamba-hamba-Nya supaya berdoa atau meminta kepada-Nya dan telah pula menjanjikan akan memperkenankan doa tersebut apabila ia tidak bercorak maksiat. Firman Allah di dalam Al-Quran surah Al-Ghafir ayat 60 yang kira-kira bererti:

"Dan Tuhan kamu berkata: Berdoalah kepada-Ku, nescaya aku akan memperkenankan doa kamu itu."

Janji Allah untuk memperkenankan doa-doa hamba-Nya tidaklah dapat diragukan, Allah Taala tidak pernah menyalahi janji-Nya, cuma dalam hal memperkenankan permintaan hamba-hamba-Nya ini, walaupun sudah berulang-ulang hamba-Nya meminta, tidaklah semestinya diperkenankan dengan serta-merta dan semua yang diminta itu tidak pula semestinya akan diberikan mengikut apa yang diminta, akan tetapi yang jelas bahawa segala doa permintaan itu akan diperkenankan-Nya apabila sudah cukup syarat-syaratnya, sama ada ia dengan serta-merta atau dilambatkan sampai ke akhirat nanti ataupun akan digantikan-Nya dengan menjaubkan sesuatu kecelakaan (musibah) dari si peminta itu sendiri sesuai dengan keadaan doanya.

Dalam satu hadis riwayat Ahmad daripada Abi Saïd Al-Khudri radhiallahu anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, ertinya:

Menuju Keredaan Allah

"Sesiapa daripada orang Islam yang berdoa dengan doa yang tiada mengandungi maksiat, dan tidak untuk memutuskan tali silaturahmi, nescaya Allah Taala akan memperkenankannya dengan salah satu di antara tiga: Diperkenankan dengan serta-merta atau dilambatkan sampai ke akhirat ataupun dijaubkan daripadanya bencana yang akan menimpa. Kata sahabat: Kalau kami memperbanyak doa? Jawab Nabi: Allah itu Maha Kaya."

Mungkin pada suatu masa kita sangat memerlukan sesuatu, maka kita pun menadahkan tangan meminta pertolongan kepada Allah Taala supaya sesuatu yang sangat kita harapkan itu dapat kita capai dengan segera, akan tetapi masa bersilih pergi, hari berganti hari, namun apa yang kita perlukan itu belum juga tercapai. Dalam hal ini kita tidak boleh salah sangka terhadap janji Allah Taala, Allah tetap mendengar dan melihat apa yang kita perlukan, cuma masa atau hikmat dari apa yang kita perlukan itu boleh jadi dalam ilmu Allah Taala belum masanya kita terima ataupun belum sesuai dengan kita dan digantikanNya dengan sesuatu yang lebih layak bagi kehidupan kita.

Tetap dan perbanyakkanlah meminta kepada Allah, di samping berikhtiar di jalan yang diredai-Nya, kerana dengan bertambah banyaknya kita meminta kepada Allah akan bertambah pulalah suka dan kasih Allah kepada kita.

Demi memelihara keturunan dan bangsa:

Benteras habis-habisan penyakit Aids

suasana moden.

Oleh kerana manusia-manusia telah banyak menemui bahan-bahan baru dan mencipta peralatan-peralatan yang baru, maka ada setengah mereka itu berpaling daripada aturan hidup yang disusun oleh Allah. Mereka telah mencipta cara-cara mereka sendiri yang berpaling daripada peraturan agama dan hukum-hukum Allah. Tetapi apa akibatnya? Akibatnya dunia sekarang dan masyarakatnya mengalami penyakit satu demi satu. Penyakit kemiskinan, penyakit siplis, penyakit penyalahgunaan dadah dan penyakit yang teruk sekali menghinngapi umat manusia sekarang ialah penyakit yang disebut AIDS, semua orang tunggal penyakit ini. Semua orang menadahkan tangan ke hadirat Illahi supaya kita dan negara ini tidak diancam dengan penyakit AIDS, kerana apa? Kerana penyakit AIDS tidak ada ubatnya. Tidak ada suntikan atau pencegahnya. Walaupun pakar-pakar perubatan bertungkus-lumus mencari ubatnya sampai sekarang tetapi hasilnya tetap jua mengecewakan.

Ketahuilah tuan-tuan bahawa adalah dianggarkan pada masa ini terdapat 100,000 orang yang mengidap penyakit AIDS ini di seluruh dunia. Antaranya pula 30,000 orang pengidapnya daripada negara yang menggelar diri mereka negara moden, mempunyai teknologi moden, mempunyai pakar-pakar itu dan ini. Inilah negara Amerika Syarikat.

Sekarang mari kita perhatikan pula punca-punca penyakit AIDS ini. Satu daripadanya ialah penyakit AIDS berpunca dari perbuatan 'homoseksual' iaitu lelaki yang melakukan hubungan seks sesama lelaki, dan mereka yang mempunyai pelbagai pasangan yang ramai.

Dalam hal ini, Islam siang-siang lagi menggalakkan perkahwinan dan mengharamkan perzinahan dan apa jua jenis maksiat. Oleh kerana Homoseksual dan perzinahan itu mengakibatkan penyakit AIDS maka dalam hal ini Al-Quran telah mencatatkan satu ayat yang sangat pendek, tetapi padat maknanya dan mudah dihafal untuk azimatnya kita di manamana juga, iaitu firman Allah dalam Suratul Israk ayat 32 yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, kerana zina itu satu perbuatan yang keji dan jalan yang sejat-jahatnya."

Pengharaman Islam terhadap perzinahan itu adalah secara mutlak. Kalau di zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sudah dihukumkan haram maka sekarang pun tetap dihukumkan haram. Mustahil ianya menjadi halal. Pengharaman Islam itu termasuklah cuba-cuba untuk mendekati perzinahan pun sudah dilarang. Inilah sebabnya berkhawatir antara lelaki dan perempuan yang halal nikah pun haram hukumnya kerana berkhawatir sudah menempatkan bunga-bunga perzinahan.

Sekarang terbukti firman Allah itu di mana negara barat, kebebasan-kebebasan sosial lelaki dan perempuan sudah menjadi perkara biasa, malah orang yang melakukannya itu akan dianggap orang bertamadun. Mereka bebas melakukan apa-apa jua yang mereka sukai, asalkan nafsu puas. Maka akhirnya berlakulah keruntuhan akhlak yang tidak dapat dibenteras lagi. Tidak ada ubat penawar lagi. Maka lahirlah anak-anak haram yang tidak berbapa, yang teruk lagi pengguguran anak sudah menjadi lumrah dan menjadi pemiagaan di pihak lain pula. Akibatnya timbulah krisis-krisis masyarakat, jenayah berlaku di sana sini. Masyarakat hidup dalam keadaan panik dan sakit jiwa. Maka dari gejala-gejala itu semua, timbulah penyakit, sebagai satu bala kepada umat manusia yang menderhaka kepada perintah Tuhan-Nya.



Dalam keadaan kita sebagai orang Islam yang bertakwa kepada Allah Taala, sama ada secara perseorangan, berkumpul atau berpersatuan atau badan-badan yang ada di negara ini, sama ada kita bertugas di jabatan-jabatan berkenaan atau tidak, marilah kita menentang habis-habisan sebarang bentuk atau ciri-ciri penyakit AIDS demi memelihara keturunan dan bangsa Brunei Darussalam yang taat beragama dan menjunjung titah perintah Sultannya.

Kita hindari dan hapuskan semua punca-punca penyakit itu sama ada secara terang-terangan atau secara bersembunyi. Ini berdasarkan firman Allah dalam Suratul An'am ayat 15 yang tafsirannya:

"Janganlah kamu mengerjakan kejahatan (zina) yang terang-terangan dan yang sembunyi-sembunyi."

Tugas kita sekarang ialah menyapu bersih segala kekotoran kejahatan, tidak boleh mendiamkan diri, malahan wajib kita mencegah dengan segala kuasa kekuatan yang ada pada kita. Kalau kuasa tidak ada barulah dibasmi dengan lisan sahaja, kalau lisan pun tidak ada, barulah diubah dengan hati. Inilah dikatakan selemah-lemah iman.

Sayidina Abu Bakar pernah mendengar sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Sesuatunya bangsa yang dalam kumpulan mereka itu melakukan berbagai-bagai kejahatan, kemudian mereka mampu mencegah kejahatan itu, tetapi mereka tidak. Oh, berhati-hatilah nanti Allah akan merasakan siksaan ke atas mereka secara menyeluruh."

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 5 Ogos hingga ke hari Selasa 11 Ogos, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Ogos												
5	12.29	3.46	3.47	6.35	6.36	7.48	7.49	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17
6	12.28	3.46	3.47	6.35	6.36	7.47	7.48	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17
7	12.28	3.45	3.46	6.35	6.36	7.47	7.48	5.04	4.50	5.05	6.16	6.17
8	12.28	3.45	3.46	6.34	6.35	7.47	7.48	5.04	4.50	5.05	6.16	6.17
9	12.28	3.44	3.45	6.34	6.35	7.46	7.47	5.04	4.50	5.05	6.16	6.17
10	12.28	3.44	3.45	6.34	6.35	7.46	7.47	5.04	4.50	5.05	6.16	6.17
11	12.28	3.43	3.44	6.34	6.35	7.46	7.47	5.04	4.50	5.05	6.16	6.17

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Kumpulan Hadrah Kampong Sungai Pandan jadi juara

Oleh Zubaidah HS

BANDAR SERI BEGAWAN.

Sepuluh buah pasukan telah menyertai Pertandingan Hadrah sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 yang telah berlangsung di tanah lapang bekas Rumah Sakit Umum di sini pada 28 Julai lepas.

Pukulan hadrah yang memecah kesunyian malam dengan diselitkan dengan lagu-lagu memuji-muji kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wataala pada malam itu telah menarik perhatian ratusan orang penonton yang datang dari seluruh daerah di negara ini bagi sama-sama memeriahkan sambutan puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Hadrah merupakan satu permainan muzik tradisional kita, yang walaupun tidak sehebat muzik pop, tetapi amat penting dalam kebudayaan dan adat istiadat kita orang-orang Melayu di Brunei.

Kumpulan Hadrah Kampong Sungai Pandan yang diketuai oleh Awang Laki bin Mat Zain telah menjuarai pertandingan tersebut. Pasukan ini menerima hadiah wang tunai \$600.00. Tempat kedua ialah Pasukan Hadrah Gema Negara, Kampong Pekan Lama yang diketuai oleh Ak. Matali bin Pg. Metamin. Mereka menerima hadiah wang tunai sebanyak \$400.00. Selain dari itu semua pasukan yang menyertai pertandingan tersebut telah menerima hadiah penyertaan sebanyak \$100.00.

Hadiah-hadiah pada malam tersebut telah disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Dato Seri Laila Jasa Pengiran Anak Hassan bin Pengiran Anak Sabtu Kamaluddin.



YANG Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Dato Seri Laila Jasa Pengiran Anak Hassan menyampaikan hadiah kepada Ketua Pasukan hadrah Kampong Sungai Pandan Awang Laki bin Matzin. — Gambar oleh Harun Rashid.

TUTONG. — Bakat semula jadi seseorang merupakan asas penting untuk maju dalam bidang seni. Bagaimanapun, ia tidak akan maju tanpa usaha gigih dan tekun serta dorongan yang kuat dari pihak-pihak yang terlibat.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Haji Awang Ahmad Baihaki bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Haji Mohd. Taha berkata, pengasuhan bakat seni itu sepatutnya bermula dari sekolah, di mana kita boleh melihat kebolehan seseorang murid.

Katanya, di samping usaha-usaha mengutamakan konsep 3M di sekolah-sekolah, kita juga perlu memelihara dan menghargai unsur-unsur budaya dan kesenian bangsa kita supaya ianya kekal dalam kehidupan kita dan juga kepentingan generasi akan datang.

Berucap merasmikan Pertandingan Tarian Brunei Asli kali ke-11 bagi sekolah-sekolah rendah seluruh negara yang berlangsung pada 25 Julai lepas di Dewan Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Sengkarai di sini, Awang Haji Ahmad Baihaki berharap supaya pertandingan itu

diunkayahkan dengan matlamat jangka panjang yang bukan saja dalam bidang tarian asli, tetapi juga dalam lain-lain bidang seni.

Menurutnya pertandingan tersebut akan dapat mengekalkan adat budaya yang kita warisi zaman berzaman, dalam usaha menjaga dan mempertahankan kebudayaan bangsa kita.

"Dengan adanya kegiatan kesenian yang berdisiplin ianya boleh memberi sedikit pendidikan kepada murid-murid sekolah dalam bersopan santun, bersikap lemah lembut dan bekerjasama," tegasnya.

Menurutnya, melalui inilah juga kita dapat berusaha mengurangkan perbuatan si pugut, penyalagunaan dadah

Untuk maju dalam bidang seni

BAKAT SEMULA JADI ASAS PENTING

Oleh Aisah Piee



SEBAHAGIAN dari yang hadir di pertandingan tersebut. Duduk di barisan depan ialah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Haji Awang Ahmad Baihaki bersama jemputan khas yang lain. — Gambar oleh Harun Rashid.

serta lain-lain masalah sosial yang bertentangan dengan disiplin sekolah serta budaya

dan tatasusila kehidupan seharian kita.

Sebanyak 10 buah sekolah rendah telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Menurut Pengerusi Pertandingan, Awang Imran bin Mohd. Husain, pertandingan itu bertujuan untuk memperluaskan warisan tarian tradisional Melayu Brunei kepada generasi baru serta mencungkil bakat murid-murid dalam bidang kebudayaan dan kesenian, khususnya dalam bidang tarian asli.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk memperkenalkan dan memperkenalkan beberapa tarian asli, sambil mendorong minat kanak-kanak untuk menghayati unsur-unsur tarian Brunei Asli yang dipusakai turun-temurun.

Menjuarai pertandingan hari itu ialah Sekolah Rendah

Manakala, dua buah diberikan hadiah sebanyak \$1,000.00 tiap-tiap satu. Skrip tersebut ialah 'Jarah Brunei Awal (Brunei Tua)' oleh Awang Osman Md. Daud, dan skrip 'Analisa Bagaimana Merujuk Kepada Kenangan Awal Brunei' oleh Asbol bin Haji Mail.

Sementara itu, empat skrip rencana diberikan hadiah penghargaan setiap satunya bernilai \$300.00. Skrip-skrip tersebut ialah 'The Development of Political Thought in Negara Brunei Darussalam Since 1929' oleh Awang Aminuddin bin Haji Ali, 'Jarah Brunei Tua' oleh Penilaian Semula' oleh Abdul Rahman bin Matar, 'Islam in Brunei' (Kedatangan Islam di Brunei) oleh Awang Ghazali bin Geiawing, dan 'Brunei Awal Abad Kedua Puluh' oleh Awang Haji Mohsin bin Bakar.



PASUKAN dari Sekolah Rendah Sinaut, kawasan Tutong I ketika mempersembahkan Tarian Adai-Adai di pertandingan itu. — Gambar oleh Harun Rashid.

DEWAN Bahasa dan Pustaka ditubuhkan sejak 25 tahun yang lalu, dan hanya baru saja merayakan sambutan Jubli Perak sempena suku abad jabatan tersebut, malah sambutan Jubli Perak masih diadakan sepanjang tahun 1987 dengan mengadakan berbagai-bagai rancangan dan aktiviti. Sejak dari tertubuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka suku abad yang lalu itu, kita percaya tidak siapa yang boleh menafikan akan perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh DBP baik dari segi perkembangan pemakaian bahasa Melayu mahupun dari segi perkembangan sastera tanahair. Sejar dengan itu juga perpustakaan telah menjadi salah sebuah cawangan yang terbesar dalam jabatan dan adalah boleh dianggap penting sebagai daya penggerak ke arah kesedaran orang ramai dalam mencari gali ilmu pengetahuan.

Perpustakaan secara langsung dapat memainkan peranan dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dan menerapkan nilai dan sikap rajin membaca di kalangan orang ramai. Oleh kerana perpustakaan itu sendiri sudah wujud serentak dengan wujudnya Dewan Bahasa dan Pustaka, maka tidaklah juga dapat dinafikan akan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh perpustakaan sejauh ini.

Jika kita tinjau akan konsep perpustakaan dalam dekad-dekad yang telah lalu dan jika dibandingkan dengan konsep perpustakaan masa kini, ianya sekalaran orang ramai. Oleh kerana perpustakaan itu sendiri sudah wujud serentak dengan wujudnya Dewan Bahasa dan Pustaka, maka tidaklah juga dapat dinafikan akan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh perpustakaan sejauh ini.

Jika kita tinjau akan konsep perpustakaan dalam dekad-dekad yang telah lalu dan jika dibandingkan dengan konsep perpustakaan masa kini, ianya sudah mengalami satu perubahan yang secara langsung dapat menukar corak pemikiran orang ramai terhadap perkembangan dunia ilmu pengetahuan masa kini, kalau perpustakaan masa-masa lalu hanya berfungsi sebagai satu tempat himpunan buku-buku dan majalah dan berfungsi sebagai tempat untuk meminjam bahan-bahan tersebut sahaja, tetapi sekarang sebuah perpustakaan itu berfungsi bukan sahaja

sebagai satu tempat himpunan buku-buku sahaja tetapi segala macam bentuk rakaman ilmu pengetahuan dari bahan-bahan yang bercetak hinggalah kepada bahan-bahan yang tidak bercetak seperti bahan-bahan perakam kaset, video, mikro film, slaid dan sebagainya yang boleh merekodkan segala bentuk maklumat dengan mudah dan dapat digunakan dari masa ke semasa.

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa mengorak langkah dari masa ke semasa dalam usahanya untuk menggalak dan memupuk serta menanam tabiat dan sikap suka membaca di kalangan orang ramai tidak kira umur, kerana masyarakat yang gemar membaca adalah melambangkan masyarakat yang berilmu pengetahuan dan maju.

Dalam konteks ini perpustakaan telah sekian lama berusaha ke arah ini dengan mengadakan beberapa siri projek atau aktiviti dengan tujuan-tujuan yang tertentu melalui cawangan-cawangan yang terdapat dalam perpustakaan itu sendiri, dan sudah setentunya projek-projek yang diungayahkan itu adalah melibatkan penyertaan dari orang ramai sendiri dalam mendukung dan menjayakan projek demi projek supaya kesannya bukan sahaja dalam jangka masa yang pendek, tetapi apa yang diharapkan ialah supaya kesannya dalam jangka yang panjang dan boleh kita nilai sebagai satu titik-tolak dalam melaksanakan satu-satu projek itu.

Secara ringkas Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai beberapa unit atau cawangan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya dan perkembangan perpustakaan begitu menggalakkan dari masa ke semasa di mana kalau dulunya Perpustakaan DBP hanya mempunyai beberapa cawangan atau bahagian yang kecil, tiap-tiap bahagian itu mempunyai tugas dan peranan masing-masing. Bahagian-bahagian atau cawangan tersebut ialah Perkhidmatan Perpustakaan Dewasa, Perkhidmatan Perpustakaan Muda-Mudi, Perkhidmatan Perpustakaan Kanak-Kanak, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak, Perkhidmatan Perpustakaan Rujukan dan Pengkajian Tempatan, Cawangan Katalog, Cawangan Perolehan, Perkhidmatan Cawangan dan



SUASANA ketika diadakan Gerakan Budaya Membaca anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang telah dilangsungkan di Dewan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait pada 9 Ogos, 1986 yang lalu.

Gerakan Budaya Membaca DBP bertujuan: MENGGALAK MINAT MEMBACA DI KALANGAN MUDA-MUDI

Oleh Haji Abu Bakar Hj. Zainal
Gambar-gambar ihsan DBP

berfaedah dan berkebakikan.

Gerakan Budaya Membaca pada mulanya telah dilancarkan perasmianya oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Hj. Md. Jamil Al-Sufri di Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas pada 11 Disember 1983, sejak itu projek ini telah diungayahkan dari satu sekolah ke satu sekolah dan tidak hanya berpusat kepada Daerah Brunei-Muara sahaja. Gerakan Budaya Membaca pernah diadakan di tempat-tempat dan tarikh berikut:

- * Di Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada 26 Disember, 1983.
- * Di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOASC) pada 21 Ogos, 1984.
- * Di Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong, pada 9 September, 1984.
- * Di Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, pada 2 Mac, 1986.
- * Di Dewan Kemasyarakatan, Bangar, Temburong pada 4 September, 1984.
- * Di Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait pada 9 Ogos, 1986.

Memang kita tidak nafikan bahawa semua orang boleh membaca tetapi untuk menjadikan membaca itu sebagai satu amalan dan tabiat adalah satu perkara yang kurang kita ambil berat, kalau membaca itu kita jadikan satu tabiat atau amalan nescaya perpustakaan akan mengambil tempat yang utama malah jika benar-benar tabiat membaca itu sudah sebat dalam jiwa kita di mana-mana saja kita membaca, pendeknya di mana-mana saja kita berada kita akan membaca, sebagai contoh, di negara Jepun, penduduk negara tersebut boleh dikatakan 75% adalah amat gemar membaca, mereka akan membaca semasa berada dalam bas, di kedai kopi, di



GAMBAR atas memperlihatkan Gerakan Budaya Membaca yang telah berlangsung di Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah pada tahun lalu.

taman-taman bunga, perhentian keretapi dan sebagainya, masa yang terluang digunakan oleh mereka dengan membaca apa saja bahan bacaan yang boleh mendatangkan pengetahuan kepada mereka, soal kondisi sesebuah negara itu tidak penting, tetapi apa yang penting adalah tentang sikap, iaitu sikap seseorang mengenai dengan membaca dan sikap inilah yang telah menjadi target perpustakaan dalam menganjurkan beberapa projek atau aktiviti, memberi kesedaran tentang betapa perlu dan mustahaknya kita selalu membaca dan terus membaca.

Gerakan Budaya Membaca pada tahun ini akan pula dilancarkan ke Daerah Temburong, di mana Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong menjadi fokus utama projek ini. Gerakan Budaya Membaca di Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar ini akan diadakan pada 15 Ogos 1987, jam 9.00 pagi hingga jam 11.30 tengah hari, beberapa siri rancangan telah disusun untuk tujuan itu, antaranya ialah satu ceramah khas mengenai dengan "Cara-cara menggunakan perpustakaan dan cara mendapatkan bahan bacaan", tajuk ceramah ini

Kesimpulan

Apa yang diharapkan dari projek Gerakan Budaya Membaca ini ialah penglibatan sepenuhnya penuntut-penuntut khasnya golongan muda-mudi dalam mendukung cita-cita dan hasrat perpustakaan untuk meluaskan perkhidmatan di samping menanamkan sikap rajin membaca di kalangan mereka. Dalam pada itu, guru-guru juga hendaklah memainkan peranan yang positif dalam membantu usaha-usaha perpustakaan dengan memberikan mereka semangat dan galakan bagi menggunakan perkhidmatan yang diberikan oleh perpustakaan sama ada ianya perpustakaan sekolah itu sendiri mahupun perkhidmatan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.



MEMUPUK minat seperti kelihatan dalam gambar atas adalah sesuatu yang mendatangkan manfaat yang berguna kepada belia-belia kita. Gambar ini direkamkan ketika diadakan Gerakan Budaya Membaca di Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

MATA PELAJARAN BERKAITAN KECUALI LUKISAN MASIH DIPERLUKAN DI UBD

BANDAR SERI BEGAWAN: — Kursus-kursus ijazah yang dijalankan di Universiti Brunei Darussalam (UBD) sehingga ini masih lagi memerlukan mata-mata pelajaran yang berkaitan di peringkat lanjutan kecuali mata pelajaran lukisan.

Bagaimanapun mata pelajaran Bahasa Melayu masih dikira sebagai berkaitan dengan setengah kursus, tetapi ianya masih memerlukan mata pelajaran yang lain seperti ekonomi, sejarah, ilmu alam, usuluddin dan syaria.

Hal tersebut telah dijelaskan oleh kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan disampaikan oleh Dato Paduka Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin, Pegawai Daerah Brunei dan Muara di perjumpaan mesyuarat penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung daerah tersebut baru-baru ini.

Penjelasan tersebut dibuat berikutan permohonan seorang penduduk Kampung Perpindahan Mata-Mata semasa lawatan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Mukim Gadong pada 24 Mac lalu yang mahukan UBD menerima kemasukan calon-calon yang mempunyai dua mata pelajaran lanjutan lukisan dan Bahasa Melayu.

Menurut penjelasan itu lagi, penuntut-penuntut yang mempunyai dua mata pelajaran berkenaan adalah dikira

sebagai tidak memenuhi syarat kemasukan bagi kursus-kursus di UBD pada masa ini dan UBD sehingga ini masih tidak mempunyai kursus-kursus peringkat diploma.

Menyentuh permohonan supaya sebuah sekolah rendah dibina di Kampong Rimba, penjelasan tersebut memaklumkan perkara berkenaan telah termasuk dalam rancangan projek perpindahan kawasan tersebut yang juga melibatkan pembinaan sekolah-sekolah menengah yang lengkap dengan berbagai kemudahan.

Adalah difahamkan sekolah-sekolah berkenaan akan dapat menampung kira-kira 750 orang penuntut dan sehingga ini anggaran peruntukannya telah pun dihadapkan ke Jabatan Kerja Raya bagi pengesahannya.

Berhubung dengan permohonan dari Kampung Perpindahan Mata-Mata untuk mendapatkan kemudahan sekolah bagi murid-murid darjah satu hingga enam di kawasan berkenaan, penjelasan itu menerangkan satu projek membina sebuah sekolah berharga \$2.7 juta telah pun dirangkaan di kampung berkenaan.

Kemajuan projek termasuk setakat ini masih menentukan kawasan tapak yang sesuai yang dijalankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Ukur.

"Sebaik-baik saja tapak ini dapat ditetapkan nanti, kerja-kerja awal pembinaan projek ini akan dapatlah dijalankan," terang penjelasan tersebut.

Dari muka 4

alamat sekolah memandu yang diusahakan di atas plat pipih yang berbentuk bujur empat.

Semua permohonan hendaklah menggunakan borang-borang permohonan yang boleh diperolehi di Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Daerah Brunei-Muara dan cawangan-nya di Kuala Belait. Permohonan-permohonan mestilah sampai di Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan

Darat, Jalan Gadong dan cawangan Jabatan Pengangkutan Darat, Kuala Belait tidak lewat daripada 13 Ogos, 1987. Permohonan-permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Borang permohonan mestilah diisi dengan lengkap. Jika sesuatu perkara itu tidak berkenaan, tulis "TIDAK ADA" atau "TIDAK BERKENAAN". Borang permohonan yang tidak lengkap juga tidak akan dilayan.

Menyentuh permohonan untuk mengadakan sebuah rumah guru bagi kemudahan murid-murid menunggu penjaga masing-masing di kawasan Sekolah Rendah Mata-Mata, ianya difikirkan tidak sesuai dan untuk itu bilik-bilik darjah masih boleh digunakan untuk tujuan tersebut.

Apa yang didapati, menurut penjelasan itu, hal ini timbul kerana kelambatan penjaga untuk mengambil anak-anak mereka berikutan kesesakan jalan keluar masuk yang terdapat di sekolah tersebut.

"Oleh yang demikian Kementerian Pelajaran adalah sedang mengusahakan supaya kedudukan jalan keluar masuk itu akan diperbaiki kedudukannya iaitu dengan menjadikannya satu hala supaya perjalanan keluar masuk akan lebih lancar," menurut penjelasan itu.



YANG Dimulakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud ketika menerima cenderamata dari salah seorang pegawai kanan Tentera Laut Diraja Australia yang membuat lawatan ke negara ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHD.

Tiga pegawai kanan Tentera Laut Diraja Australia adakan kunjungan hormat

Oleh: Abdul Karim

BERAKAS — Tiga orang pegawai kanan Tentera Laut Diraja Australia telah melakukan kunjungan hormat kepada Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud di Ibu pejabat Berakas Garrison di sini pada pagi Isnin, 27 Julai, lepas.

Pemerintah Kapal-kapal Peronda dan Kapal-kapal Pemusnah Perik Api Tentera Laut Diraja Australia, Komander W.R. Overton diiringi oleh Pegawai Memerintah HMS Gawler, Letenan Komander G.R. Galloway dan Pegawai Memerintah HMS Gannock, Letenan Komander W.G. Conlin Ran.

Mereka juga telah melakukan kunjungan yang sama kepada Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Laila Perkas Kolonel Dato Paduka Haji Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir.

Kedua buah kapal berkenaan yang tiba pada 25 Julai lepas berada sembilan hari di negara ini bagi menjalani latihan bersama dengan Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diberi nama "PENGUIN 2/87".

Kedua-dua buah kapal Tentera Laut Diraja Australia itu telah berangkat pulang meninggalkan negara ini pada hari Isnin lepas setelah membuat lawatan selama sembilan hari ke Negara Brunei Darussalam.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 29 Julai, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

1. Mee Suah (Cap Orang Merah) 120g sebungkus \$0.50 sen.
 - a) Chop Hen Long No. 31, Jalan Sultan.
2. Garam (Cap Buaya) 6 bungkus \$1.00.
 - a) Chop Hock Huat 62 Jalan McArthur.
3. Tepung Beras (Flyingman) sebungkus \$0.60 sen.
 - a) Kedai Eng Leong, No. 8, Jalan McArthur.

TUTONG — 5082

1. Mee Suah (Cap Orang Merah) 120g sebungkus \$0.60 sen.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
2. Garam (Cap Buaya) 6 bungkus \$1.00.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
3. Tepung Beras (Flyingman) sebungkus \$0.60 sen.
 - a) Lim Kian Seng No. 3, Jalan Enche Awang.

SERIA — 5082

1. Mee Suah (Cap Orang Merah) 120g sebungkus \$0.60 sen.
 - a) Kedai Soon Kheng No. 52, Jalan Bunga Kuning.
2. Garam (Cap Buaya) 5 bungkus \$1.00.
 - a) Kedai Sim Fatt Hui No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
3. Tepung Beras (Flyingman) sebungkus \$0.70 sen.
 - a) Kedai Sim Fatt Hui No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

KUALA BELAIT — 6083

1. Mee Suah (Cap Orang Merah) 120g sebungkus \$0.45 sen.
 - a) Kedai Teo Hing Hng No. 45, Jalan Pretty.
2. Garam (Cap Buaya) 5 bungkus \$1.00.
 - a) Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.
3. Tepung Beras (Flyingman) sebungkus \$0.60 sen.
 - a) No. 103, Jalan McKerron.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Serasa	5.8.1987	Rabu	9.45-10.15 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	5.8.1987	Rabu	10.30-11.00 "
Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar	5.8.1987	Rabu	11.15-11.45 "
Sekolah Rendah Pulaie	5.8.1987	Rabu	9.30-10.30 "
Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar	8.8.1987	Sabtu	8.30-9.30 pagi
Penjara Jerudong	8.8.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Mulaut	8.8.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Birau	8.8.1987	Sabtu	1.30-2.30 petang
Sekolah Rendah Kiudang	8.8.1987	Sabtu	2.45-3.45 "
Sekolah Rendah Lamunin	8.8.1987	Sabtu	4.00-5.00 "
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	10.8.1987	Isnin	8.45-9.45 pagi
Sekolah Rendah Kiarong	10.8.1987	Isnin	8.30-9.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	11.8.1987	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Rendah Anggerik Desa Berakas	11.8.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap	11.8.1987	Selasa	2.45-3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong	11.8.1987	Selasa	3.30-4.30 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong	11.8.1987	Selasa	4.30-5.00 "

Sambungan dari muka 2

tuk menyambung telefon ke bangunan-bangunan atau rumah-rumah yang memerlukan akan dapat dilaksanakan dengan secepat yang boleh.

Maka dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Pemangku Ketua Pos Agung serta kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos yang telah dengan suaranya menjemput saya hadir pada hari ini serta penghargaan

kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah bersusah-payah untuk meramaikan majlis yang berkebakikan ini. Dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala, saya dengan rasmnya melancarkan Sistem Poskod Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ini. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala akan memberkatinya.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

WUQUF DI ARAFAH

SAAT demi saat tetap berlalu tanpa toleh belakang, ianya pasti meninggalkan kita. Begitulah putaran alam semesta ciptaan Allah Subhanahu Wataala ini.

Titik tolak kiraan selepas Zuhur 9 Zulhijjah, berlanjutan hingga sejurus terbit fajar pagi 10 Zulhijjah, maka bermulalah seluruh umat Islam, Muslimin dan Muslimat, kecil besar, tua dan muda, miskin dan kaya, hina atau mulia, berpangkat atau berharta, semuanya sama rata, sama-sama berkumpul, sama-sama mengabdikan diri kepada Allah Rabbul Izzati di Padang Arafah. Padang Arafah, bumi Allah yang memberikan gambaran pertemuan segala umat manusia yang bernama Muslim bertemu dalam segenap pelusuk dunia dengan satu iktiqad bahawa kita ini adalah hamba Allah Subhanahu Wataala jua.

Segala doa, ucapan syukur, bertalbiyah, berzikir,

beristighfar, membanyakkan membaca Al-Quran atau memanjatkan segala doa yang bermanfaat lagi berkebajikan sering terucap dalam setiap waktu di hati para Muslimin dan Muslimat di sepanjang rukun yang terpenting ini ditunaikan. Juga doa dipanjatkan memohon ke-redaan Allah Subhanahu Wataala agar segala dosa yang terlanjur akan mendapat keampunan jua dan dikabulkan segala doa yang dipanjatkan ke hadirat Illahi.

Radio Televisyen Brunei lagi khidmatnya ke arah ini, memberikan khidmat dalam menghubungkan siaran langsungnya dari Tanah Suci Mekah Al-Mukaramah, demi memberikan gambaran suasana umat Islam menyempurnakan Wuquf di Arafah ini, agar dengan khidmat yang radio berikan ini, sedikit sebanyak akan dapat memberikan pengetahuan buat pendengar semua.



NADA PEDOMAN AIDIL-ADHA

BERSEMPENA kedatangan Hari Raya Aidiladha Perkhidmatan Melayu Radio Brunei telah menyediakan sebuah rancangan bercorak hiburan dakwah terbitan Hasnan Suhaili.

Rancangan Nada Pedoman Aidiladha diisikan dengan persembahan dari Kumpulan Nasyid Badan Ibadat Pembentuk Akhlak Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara. Persembahan mereka akan dapat diikuti selepas siaran langsung menunaikan sembahyang Hari Raya Aidiladha.

PENULIS Halimah Yaman, Negara Brunei Darussalam kali ini berpeluang untuk mengisi ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini dengan skripnya yang berjudul "SEKERUH-KERUH AIR DI TELAGA."

Penulis cuba menyingkap masalah yang dihadapi oleh Sulaiman/Susi yang menjalani hidup dalam dua cara yang berlainan. Sebagai seorang lelaki ia dikenali sebagai Sulaiman dan ada ketikanya pula ia dikenali sebagai Susi. Kelakuannya itulah yang menyebabkan kerungsingan kepada kakaknya Zaleha dan abangnya Zaiman.

Kerana orang tua mereka sudah tiada lagi, Zaleha dan Zaimanlah yang bertanggungjawab untuk menasihati dan menjamin tentang kehidupan Sulaiman agar menjadi seorang yang berguna. Bagaimanapun, mengajarnya dengan kekasaran adalah amat sukar untuk diterimanya. Malahan dengan cara itu, telah mendorong Sulaiman untuk melarikan diri dari rumah mereka.

Pada Kak Salmilah tempat Sulaiman/Susi selalu meluahkan perasaannya. Sedikit demi sedikit, Kak Salmi dapat juga menyelitkan nasihat yang berguna kepada Sulaiman supaya menghilangkan tabiatnya meniru-niru perangai seperti perempuan dan berkumpul-kumpul di tempat-tempat tertentu dengan mereka yang mempunyai minat yang sama dengannya.

Dari kata-kata dan penjelasan Sulaiman, tahulah

Sandiwara Radio:

"SEKERUH-KERUH AIR DI TELAGA"

Kak Salmi yang ia memang kurang dari segi pendidikan keagamaan. Oleh kerana tidak mempunyai pendirian yang teguh, perasaannya mudah terpengaruh dan terbawa-

bawa oleh keadaan di sekelilingnya.

Berjayakah Zaleha dan Zaiman akhirnya membimbing adik mereka? Sediakah Sulaiman/Susi

meninggalkan kesukaannya itu? Ikutilah siarannya nanti pada 9 Ogos, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Helen Thu.



Alam Remaja

KELUARAN kali ini akan diisikan oleh Fathan Haji Anuar. Fathan memilih lagu-lagu Rozana dan Keluakanku Keranamu.

Jangan lupa mengikuti persembahannya menerusi rancangan Alam Remaja siaran hari Isnin 10 Ogos jam 4.00 petang.



SALAH sebuah kugiran tempatan (gambar atas) yang menyertai pertandingan akhir Pesta Kugiran yang berlangsung di tanah lapang bekas Rumah Sakit Lama di ibu negara pada malam Sabtu 25 Julai lepas sempena Hari Puja Usia ke-41 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hadiah-hadiah kepada pemenang di pertandingan tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin. Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

Walaupun diperlukan dalam pembangunan negara:

KAUM WANITA TIDAK SEPATUTNYA MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB R-TANGGA

PEKAN TUTONG. — Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie, Pengarah Unit Perancang Ekonomi berkata, kaum wanita di negara ini tidak sepatutnya melupakan dan mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap rumah-tangga walaupun tenaga mereka amat diperlukan di dalam pembangunan negara.

Menurutnya, bidang urusan rumah tangga merupakan bidang yang unik untuk kaum wanita, dari itu adalah perlu bagi mereka menjalankan dan mengambil peranan penting dalam kedua-dua bidang tersebut.

Datin Hajjah Jusnani berkata demikian di hadapan kira-kira 80 orang wanita yang menyertai peraduan dan pameran urusan rumah-tangga dan hasil kerajinan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Tutong di sini 30 Julai lepas.

Pameran urusan rumah-tangga dan kerajinan ini merupakan satu acara tetap bagi sambutan perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 tahun, dan telah dikendalikan oleh Persatuan Pertiwi.

Datin Hajjah Jusnani juga berseru kepada kaum wanita supaya sentiasa menghidupkan minat dan meluahkan masa dalam urusan rumah tangga, di samping tugas-tugas yang lain dalam perkembangan negara.

"Kita, kaum wanita di Negara Brunei Darussalam

ini," menurut Datin Hajjah Jusnani, "amat beruntung kerana dasar Negara yang tidak membezakan antara lelaki dan wanita sebagaimana yang diamalkan oleh banyak negara luar.

Penyertaan kaum wanita dalam apa jua bidang yang dihulurkan oleh kerajaan sangat menggalakkan. Ini nampak perbedaannya, jelas Datin Hajjah Jusnani, dari kira-kira 5,200 pekerja tempatan wanita dalam tahun 1971 kepada 17,600 orang pada masa ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pernah bertitah, menurut Datin Hajjah Jusnani, supaya ketua-ketua jabatan memberikan pertimbangan dan perhatian yang sama kepada semua pegawai dan kakitangan tanpa membezakan di antara wanita dengan lelaki.

"Ini menunjukkan bahawa kaum wanita telah diakui sebagai sumber tenaga yang sama mustahaknya dengan kaum lelaki dalam perkembangan Negara Brunei Darussalam," tegas beliau.

Dari itu, beliau berharap, tindakan tidak membezakan antara wanita dan lelaki ini juga akan diamalkan oleh sektor-sektor swasta di negara ini.

Pameran Urusan Rumah-tangga dan Kerajinan yang dipertandingkan pada hari tersebut termasuklah bahagian masakan, bahagian kuih

muih, bahagian gubahan bunga, bahagian seni lipatan kain dan bermacam-macam gubahan yang lain.

Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie di majlis itu juga telah menyampaikan hadiah kepada pemenang terbaik dalam semua bahagian. Dan seterusnya dijemput bagi menyaksikan pameran dan hasil kerajinan.

Mereka yang menerima hadiah terbaik ialah Dyg. Sapura binti Haji Jais, Dyg. Saadia binti Haji Samad dan Siti Rahmah binti Salleh.

Terdahulu sebelum itu ucapan alu-aluan juga telah disampaikan oleh Pengerusi Persatuan Pertiwi Daerah Tutong, Datin Hajjah Hashum binti Haji Zainal Abidin.

DATIN Hajjah Jusnani ketika berucap bagi merasmikan Pameran Urusan Rumah-tangga dan Hasil Kerajinan Daerah Tutong.



DATIN Hajjah Jusnani binti Haji Lawie bersama-sama dengan Pengerusi Pameran Urusan Rumah-tangga dan Kerajinan bagi Daerah Tutong, Datin Hajjah Hashum ketika menyaksikan sebahagian dari gubahan bunga-bunga dari benang, reben dan kertas.



TETAMU kehormat dan lain-lain jemputan ketika menyaksikan bahan-bahan pameran.



DAYANG Siti Rahmah binti Salleh pemenang ketiga dalam pameran tersebut.



oleh: Zubaidah H S
ambar-gambar oleh:
Abu Bakar P H O
Harun Rashid



DATIN Zaleha binti Haji Omar, isteri Pegawai Daerah Belait, menyampaikan hadiah kepada Johan bahagian D bagi kanak-kanak yang berumur 18 hingga 24 bulan, Siti Edah Fetteima Abdullah.

orang sertai peraduan anak-kanak sihat

Peraduan yang dikelolakan oleh (WI) Perkumpulan Perempuan Brunei Cawangan Tutong itu adalah bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang ke-41 tahun.

Hampir 100 orang kanak-kanak yang berumur di antara empat bulan hingga dua tahun menyertai peraduan tersebut. Ianya telah dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A kanak-kanak yang berumur dari empat bulan hingga lapan bulan, bahagian B kanak-kanak berumur sembilan bulan hingga 12 bulan,

bahagian C kanak-kanak berumur 13 bulan hingga 18 bulan dan bahagian D kanak-kanak berumur 19 bulan hingga 24 bulan.

Johan bahagian A dalam Peraduan Kanak-kanak Sihat tahun ini ialah Nurul Hafizah Adilah binti Abd. Hamid, kedua Mohd. Faiyadh Sirazie bin Anwari dan ketiga Addi Dusit Oh Choo.

Pemenang pertama Bahagian B ialah Abd. Halim bin Haji Mohd. Jaafar, kedua Norhazah binti Hamdan dan tempat ketiga Muhammad Riziman bin Hassan. Bahagian C pula, pemenang pertama ialah Noorul Hanizah binti Roslan, kedua Rina Nur Hamisah Remizza binti Abd. Rani dan ketiga Nuradina binti Akhbar.

Sementara Bahagian D, johan Nurhatika binti Awang Raman, kedua Muhammad Zulfadli bin Umar dan ketiga Norrashidah binti Mohd. Ismail.

Upacara penyampaian hadiah kepada peserta yang berjaya di peraduan tersebut telah dilakukan oleh tetamu kehormat di majlis tersebut Datin Hajjah Salbiah binti Haji Mohd. Yusof, isteri Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Battalion Kedua, Tutong Garrison, Dato Seri Laila Jasa Leftenan Kolonel Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abd. Aziz.

Terdahulu sebelum itu, ucapan alu-aluan juga telah disampaikan oleh Pengerusi Peraduan Kanak-kanak Sihat bagi Daerah Tutong, Dayang Hajjah Maisalamah binti Md. Daud.

Di akhir majlis doa selamat telah dibacakan oleh Dayang Norsiah binti Samsuddin.

Sementara itu, peraduan yang sama kelolaan Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei cawangan Daerah Belait juga telah diadakan pada hari Ahad-lepas, di Dewan Kemasyarakatan di Kuala Belait.

Kira-kira 200 orang kanak-kanak mengambil bahagian dalam peraduan tersebut. Hadiah kepada para pemenang dalam peraduan itu telah disampaikan oleh Datin Zaleha binti Haji Omar, Isteri Pegawai Daerah Belait.



HAKIM-HAKIM yang terdiri dari pegawai-pegawai Jabatan Perubatan dan Kesihatan ketika membuat penghakimen ke atas salah seorang kanak-kanak.



IBU mana yang tidak mahu anak-anaknya sihat, begitu juga dengan keempat ibu dalam gambar ini, kelihatan riang bersama anak-anak mereka. Dari kanan, Johan Bahagian A, Pashry Zarriyaddy Zainal Abidin, Husaini Abd. Ghani, Johan bahagian B; Mohd. Firdaus bin Derlus, Johan bahagian C; dan johan bahagian D, Siti Edah Fetteima Abdullah.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV

MINGGU INI

HARI RABU 5 OGOS

PAGI

- 7.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
7.02 AL-QURAN
7.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG HARI RAYA AIDILADHA DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BSB.
8.10 TAKBIR HARI RAYA
8.40 NADASARI
9.10 SEMBAHYANG HARI RAYA
9.40 HAJI DI MEKAH
RANCANGAN KANAK-KANAK TEMPATAN: "Irama Murni"
10.25 HAJI DAN UMHRAH — (ulangan)
11.05 SPECIAL: THE WORLD MOST SPECTACULAR STUNTMAN
11.55 KEJOHANAN SUKAN ORANG-ORANG CACAT KEBANGSAAN —
1.00 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Dajal Suci"

PETANG

- 2.30 HIBURAN TEMPATAN: "Gema Aidiladha"
3.30 ANIMATION SPECIAL: "Gobot Of The Rock Lord"
3.47 AZAN ASAR
3.52 ANIMATION SPECIAL — sambungan
5.05 EUREKA: "Something Old, Something New, Something Different"
5.30 RANCANGAN KANAK-KANAK TEMPATAN: "Rasa Sayang" (ulangan)
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 RANCANGAN KANAK-KANAK TEMPATAN — sambungan
6.20 FLINTSTONE KIDS
6.36 AZAN MAGHRIB
6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.51 FLINTSTONE KIDS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SMALL WONDER: "P. P. Paula"
7.45 DRAMA TEMPATAN: "Kepulangan"
7.48 AZAN ISYAK
7.54 DRAMA TEMPATAN — sambungan
8.40 CANDID CAMERA
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 BIMBINGAN ISLAM
10.10 HIBURAN TEMPATAN: "Gurindam Jiwa"
11.05 SPORTS: ROTHMAN'S SNOCOKER 1986
12.05 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 6 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HARAPAN DAN BIMBINGAN: "Sejenak Bersama" (ulangan)
6.05 1, 2, 3 GO
6.15 KISSYFUR
6.36 AZAN MAGHRIB
6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.51 KISSYFUR — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 WEBSTER: "Play Ball"
7.45 MIAMI VICE: "Buddies"
7.49 AZAN ISYAK
7.55 MIAMI VICE — sambungan
8.40 ECONOMIC MADE EASY
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 DUNIA MINGGU INI
10.35 MAGNUM P.I.: "A.A.P.I."
11.25 TAYANGAN GAMBAR: "Shark's Paradise"
1.05 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 7 OGOS

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.49 HIDAYAT — sambungan

PETANG

- 1.00 THE REAL GHOSTBUSTERS: "Mrs Roger Neighbour"
1.25 RACCOON: "The Runaway"
1.55 ARENA SUKAN
2.55 MASK: "The Golden Goddess"
3.25 AL-KISAH: "Itik dengan Kura-Kura" (ulangan)
3.40 LIFE WITH LUCY: "World Greatest Grandma"
3.46 AZAN ASAR
3.51 LIFE WITH LUCY — sambungan
4.10 LIFE ON MISSISSIPPI: Bhg. I Drama ini dipadankan dari cerita kepahlawanan Mark Twain. Cerita ini memaparkan pengalaman Mark selama 18 bulan bagi menyempurnakan impiannya untuk menjadi pemandu sungai. Setelah bersusah-payah mengharungi bahaya sungai yang tidak dapat diramalkan akhirnya Mark memperoleh lesenya.
5.10 Q.E.D.: "The Riddles Of Ball Cue"
5.35 TERRY AND JUNE: "The Lawnowner" (Siri Baru)
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TERRY AND JUNE — sambungan
6.05 WHY AND WHEREFORES: "Water From The Earth"
6.36 AZAN MAGHRIB
6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.51 WHY AND WHEREFORES. — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 LIFE'S MOST EMBARRASSING MOMENTS
7.48 AZAN ISYAK
7.53 LIFE'S MOST EMBARRASSING MOMENTS — sambungan
8.10 MACGYVER: "The Eraser" (Siri Baru)
Macgyver sedang seronok bermain dalam satu permainan hoki bersama sebuah pasukan profesional apabila Pete Thornton mengambilnya untuk menyelesaikan satu kes pengintipan antarabangsa.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 TOO CLOSE FOR COMFORTS:
10.30 KNOTS LANDING
"Thicker Than Water"
11.30 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 8 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 360 DEGREES: "New Zealand"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ALF: "Keeping The Faith"
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD526/2801

PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN IBU PEJABAT PUSAT LATIHAN DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 15 Ogos, 1987.

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 296 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD526/2801

PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN IBU PEJABAT PUSAT LATIHAN DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 15 Ogos, 1987.

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 297 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong kelas untuk:

PROJEK No.: 87AW/0007000

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALAT PENDINDING BAGI PARSONS PEEBLES MOTOR 860 KW DI KERJA-KERJA PEMELIHARAAN AIR LAYONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 15 Ogos, 1987.

Tarikh tutup: 2 September, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 298 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berkelakayan sesuai untuk:

PROJEK No. AW516/0700

PEMERIKSAAN TV LITAR TERTUTUP BAGI PAIP MENEGAK KUMBAHAN DI SEPANJANG JALAN RESIDENCY, KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 5 September, 1987.

Tarikh tutup: 9 September, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BIL: PPL/MTB/257/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF PVC

PIPES.

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1987.

Cagaran: \$100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN
UNIT ANTI-DADAH
KEMENTERIAN PELAJARAN

Tawaran	Keterangan	Tarikh tutup
AD/T/A	Glassware	26 Ogos, 1987
AD/T/B	Chemicals	26 Ogos, 1987
AD/T/C	Disposables	26 Ogos, 1987
AD/T/D	Reagents (SYVA Emit)	26 Ogos, 1987
AD/T/E	GC Columns (HP Models)	26 Ogos, 1987
AD/T/F	Kem-O-Mat 2 Cups and Flow Cells	26 Ogos, 1987

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar Bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan:

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu seperti tarikh yang ditetapkan.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang dikeluarkan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditunjukkan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Anti-Dadah, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

Selasa-Khamis	8.00 pagi — 11.00 pagi
	1.30 petang — 2.30 petang
Isnin dan Sabtu	8.00 pagi — 10.00 pagi

Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai sebanyak \$100.00 pada setiap tawaran. Cagaran akan dibekalkan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengesahan tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Keterangan:

1. Harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah termasuk perbelanjaan menghantar alat-alat dan keperluan-keperluan ke Unit Anti-Dadah.

2. Tiap-tiap satu harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah juga termasuk harga C.I.F. dan Customs Duty.

3. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

4. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.

5. Segala kehendak dalam borang ini, mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

6. Sila alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran, Tingkat Satu, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin, 31 Ogos, 1987 jam 12.00 tengah hari bagi perkara berikut:—

Tawaran Bil.:	Keterangan	Cagaran Wang
TB/DMS/46/87	To Supply And Deliver Spaces For RS Components For 2 Years	\$200.00 + \$ 25.00 (dokumen)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

4. Semua tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup dan ditulis dengan bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan

5. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran paling rendah atau lain-lain tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN TELEKOM

Rancangan Bilangan:

ES 004/1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong Kelas A, B atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi:— EXCAVATING ON GRASS VERGES, LAYING BURIED CABLE AND CONSTRUCTION OF FOOTWAY JOINTING BOX AT ISTANA DARULHANA.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat, jam 3.00 petang, hari Rabu 19 Ogos, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda: "TENDER FOR EXCAVATING ON GRASS VERGES, LAYING BURIED CABLE AND CONSTRUCTION OF FOOTWAY JOINTING BOX AT ISTANA DARULHANA."

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam dengan cagaran tawaran sebanyak \$200.00 yang mana cagaran ini akan dikembalikan kepada tawaran yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat Pemasangan/Pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi bakal pemborong - p e m b o r o n g pada jam 9.00 pagi, hari Selasa 11 Ogos, 1987. Bertempat di Pejabat Telekom Kawasan Timur, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembinaan yang telah ditetapkan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan KASUT-KASUT DAN TAS-TAS "BASIKUT" JURURAWAT kepada Jabatan Perubatan & Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

2. Contoh barang-barang yang ditawarkan hendaklah dihantar kepada Ketua Perkhidmatan-Perkhidmatan Jururawat, Ibu Pejabat Perubatan & Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

3. Tarikh menghantar dan harga "CIF" barang-barang berkenaan hendaklah dinyatakan dengan jelas.

4. Borang-borang boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Perubatan & Kesihatan, Kementerian Kesihatan sewaktu pejabat dibuka.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat berkenaan janganlah dibuat yang boleh mengesahkan pihak yang membuat tawaran.

6. Tawaran hendaklah ditunjukkan kepada:—
Pengerusi
Lembaga Tawaran,
Kementerian Kewangan,
Tingkat 4,
Jalan James Pearce,
Negara Brunei Darussalam

PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN TELEKOM

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa bagi THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF SHARED REPEATER NETWORK SYSTEM.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang biasa yang bertanda:—

TENDER FOR SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF SHARED REPEATER NETWORK SYSTEM.

RUJUKAN: JTB/STEE(PD) 1/1987

tanpa menyatakan nama si pemborong dan dihantar kepada:—

Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Kementerian
Perhubungan,
Tingkat 1,
Jalan Elizabeth,
Bandar Seri Begawan,

Negara Brunei Darussalam

tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 2 September, 1987.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Pejabat Pengarah Telekom, di Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, setelah membayar wang cagaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan) dan \$100.00 (dikembalikan).

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

5. Pembayaran wang cagaran mestilah dibayar dengan wang tunai atau cek tempatan beserta dengan Pengesahan dari Bank.

PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN TELEKOM

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa bagi memasang TALIAN TELEFON UNTUK BANGUNAN DEWAN BAHASA DAN PUS-TAKA.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh:—

Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Kementerian
Perhubungan,
Tingkat 1,
Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 3.00 petang, 12 Ogos, 1987. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihidangkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda "TAWARAN

MEMASANG TALIAN TELEFON BANGUNAN DEWAN BAHASA DAN PUS-TAKA." Tawaran ruj. JTB/OM/7/1987, tanpa menyatakan nama penawar.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Pejabat Pengarah Telekom, di Jalan Istana Darussalam, setelah membayar wang cagaran sebanyak \$200.00 (dikembalikan) dan \$50.00 (tidak dikembalikan).

5. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan adalah satu syarat yang dimestikan bagi bakal pemborong-pemborong pada 10 Ogos, 1987, jam 8.30 pagi, di Bangunan Dewan Bahasa Dan Pustaka (di ruang Penyambut Tetamu).

6. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

KENYATAAN TAWARAN

JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Ogos, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

TAWARAN BIL.: 46/1987

Brunei State Flag, Cotton Size: 6' x 3' Printed with State Colours and State Crest

8,000 Nos.

TAWARAN BIL.: 47/1987

Gate Valves, Brass, Screwed BSTT, FXF 4", 'George Kent' 'Pergasus', 'John', 'Peglers', 'Presplex' or 'Kitz' (Japan)

90 Nos.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BIL.: PPL/MTB/254/1987

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN/MEMBEKAL ALAT-ALAT GANTI DAN OVERHAUL 3 NOS HITACHI CENTRIFUGAL CHILLERS DI BAHAGIAN PELAJARAN, KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN DAN AUDIT, LAPANGAN TERBANG LAMA UNTUK SEMBELAN BELAS BULAN.

Cengkeram: \$200.00.

Tarikh tutup: 16 September, (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas 'A', 'B' atau 'C' (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

khidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL.: PPL/MTB/276/1987
Tajuk kerja: ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED NEW MOSQUE AT KAMPONG SUNGAI UBAR, BUKIT SAWAT ULU BELAIT, DAERAH BELAIT.

Cengkeram: \$100.00.

Tarikh tutup: 12 Ogos, (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas 'A', 'B' atau 'C' (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

1. Nama Projek:

BILANGAN TAWARAN: JKP/PS/TRI/10/1987
TRUNK INFRASTRUCTURE PHASE IB AT PENGKALAN SIBABAU RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME.

2. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

mulai hari Rabu 29 Julai hingga hari Selasa 18 Ogos, 1987.

3. Kelayakan pemborong: Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran: \$10,000.00 + \$100.00 (dokumen) \$150.00 (tukisan).

5. Tarikh tutup: Hari Rabu 19 Ogos, 1987 jam 12.00 tengah hari.

6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditunjukkan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (T),
Tingkat Satu,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Liga bolasepak negara perlu diadakan

BAGI meletakkan permainan bolasepak di negara ini berada di tahap yang tinggi dan membanggakan kita perlu mengadakan liga bolasepak di seluruh negara secara teratur.

Yang Dipertu Majlis Belia-Belia Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani berkata dengan cara ini permainan bolasepak dapat diadakan di sepanjang tahun dan bukannya secara bertabuk-tabuk seperti yang terdapat sekarang ini.

Menurut Pengiran Badaruddin, kita juga patut menjemput firma-firma swasta di negara ini melibatkan diri secara aktif dalam permainan bolasepak dengan bersedia memberikan sumbangan kewangan dalam bentuk 'skim kemajuan sukan' iaitu sebagai galakan atau insentif kepada pemain-pemain bolasepak tempatan.

Berucap merasmikan perlawanan bolasepak persatuan-persatuan belia seluruh negara anjuran Persatuan PERKASA yang telah berlangsung di Padang Kebajikan, Belia dan Sukan pada 24 Julai lalu, Pengiran Badaruddin seterusnya mene-

gaskan: "Masanya juga telah tiba bagi pihak berwajib menubuhkan sebuah akademi sukan kebangsaan atau National Sports Academy yang berfungsi merancang dan mengembang-luaskan sukan olahraga di negara ini termasuklah permainan bolasepak."

Dengan adanya akademi sukan kebangsaan ini nanti, katanya lagi, kita akan dapat mencari dan memilih dengan tepat calon-calon yang layak dilatih dan dibentuk secara betul dan sistematik untuk menjadi ahli sukan dan olahraga negara yang akan dihantar bagi menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa.

"Mudah-mudahan perkara penting lagi berfaedah ini akan dapat kita ungkayahkan dan menjadi satu kenyataan," tegas Pengiran Badaruddin dengan penuh harapan.

Pertandingan tersebut dianjurkan oleh Persatuan PERKASA sempena sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-41 tahun.



PENGIRAN Badaruddin, Yang Dipertu Majlis Belia-Belia Brunei diperkenalkan kepada pengurus-pengurus pasukan dipembukaan rasmi perlawanan bola sepak terbuka bagi persatuan-persatuan belia seluruh negara. — Gambar ihsan Persatuan PERKASA.

Seri dengan Kedah 2-2 di gelanggang sendiri: HARAPAN KITA KUTIP TIGA MATA BERKECAI

HARAPAN pasukan negara untuk mengutip tiga mata penuh berkecai sama sekali apabila seri dengan Kedah 2-2 di perlawanan bolasepak siri Piala Malaysia yang telah berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada 31 Julai yang lalu.

Kita sepatutnya berhak memenangi perlawanan tersebut setelah mendahului 2-0 dalam separuh masa pertama tetapi kelakonan pemain kita di separuh masa kedua telah meranapkan impian negara untuk mengecap kemenangan kedua di gelanggang sendiri.

Dalam separuh masa kedua, pemain kita seolah-olah seperti dipukau dan tidak bersemangat langsung. Ini memberikan peluang untuk Kedah melancarkan gerakan-gerakan yang merbahaya dan akhirnya mereka berjaya menyamakan kedudukan 2-2 di minit ke-79 setelah kedudukan 2-1 sehingga ke minit ke-50.

Kita nyaris-nyaris lagi tewas kalau tidak dengan ketangkasan penjaga gol, Yunus Md. Yusof yang telah berjaya menyelamatkan beberapa tendangan yang merbahaya daripada penyerang-penyerang Kedah seperti Hussien Jaafar, Norazam Ishak dan Abd. Rahman Tasu di minit-minit terakhir perlawanan.

Keputusan tersebut sangat-sangat dikesali dan ianya tidak sepatutnya berlaku dalam negara kita memerlukan mata maksima untuk mara ke peringkat suku akhir.

Pemain kebangsaan kita dalam permainan tersebut telah menunjukkan mutu permainan yang baik dan konsisten di mana dalam minit pertama sahaja kita telah berjaya mendahului 1-0 melalui sepakan penalti.

Zamhari Lani yang membawa bola masuk ke kotak penalti telah dijatuhkan dengan kasar oleh salah seorang pemain pertahanan Kedah. Pengadil tidak teragak-agak memberikan sepakan penalti kepada pasukan kita.

Zamhari yang diberi tugas untuk mengambil sepakan itu tidak mengecewakan penonton. Walaupun tendangan beliau tidak kencang tetapi bola tetap menerjah masuk di sebelah kanan gawang Kedah.

Seminit kemudian Zamhari yang telah menyumbangkan tiga gol setakat ini terus mengejutkan Kedah dengan gol kedua yang berlaku di minit ke-3.

Gol ini hasil gerakan cantik antara Ak. Momin dan Zamhari Lani. Zamhari yang menerima umpanan baik di sebelah kanan gol Kedah telah dapat mengecek seorang pertahanan Kedah sebelum menandang bola masuk ke gawang tanpa dapat diselamatkan oleh penjaga gol, Md. Sobri Ismail walaupun beliau merebahkan diri untuk menyelamatkan ten-

dangan tersebut.

Selepas gol itu pemain kita terus bersemangat dan melancarkan serangan yang bertubi-tubi ke depan gol Kedah tetapi segala percubaan dapat dipatahkan oleh pemain pertahanan Kedah.

Dalam separuh masa kedua pemain kita langsung tidak mempunyai semangat. Mereka lebih banyak bertahan daripada menyerang. Dan ini memberikan peluang Kedah untuk melancarkan gerakan-gerakan yang merbahaya.

Dalam minit ke-50, Kedah telah berjaya menjaringkan gol pertama hasil tendangan Norazam Ishak yang memberikan kedudukan ketika itu 2-1.

Gol ini memberikan semangat kepada penyerang-penyerang Kedah untuk menjaringkan gol bagi menyamakan kedudukan. Sedangkan pemain kita tidak bermaya langsung untuk menyekat serangan merbahaya daripada pemain Kedah.

Sebelas minit sebelum perlawanan ditamatkan Kedah telah berjaya menyamakan kedudukan hasil rembatan penyerang merbahaya Kedah, Hussien Jaafar dalam minit ke-79.



MELEPASKAN DIRI penjaring utama pasukan negara Zamhari Lani yang setakat menjaringkan empat gol sering menggugat pertahanan lawan. Dalam gambar kelihatan beliau dihadang oleh salah seorang pemain Kedah dalam perlawanan Brunei Darussalam — Kedah, Jumat lepas. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Bertemu Sarawak malam ini Kemenangan perlu dipastikan

SETELAH gagal mengutip mata penuh ketika bertemu Kedah minggu lalu, pertemuan dengan Sarawak pada malam ini kita perlu kemenangan.

Sebarang keputusan seri atau kalah membebankan pasukan negara untuk mara ke peringkat suku akhir memandangkan prestasi pasukan-pasukan lain yang kian memuncak.

Semangat pemain-pemain kita pada malam ini perlu tinggi dan meyakinkan bagi menjamin kemenangan. Prestasi pasukan Sarawak yang menurun dalam siri Piala Malaysia tahun ini janganlah dijadikan ukuran.

Kita berharap Zamhari Lani yang telah menunjukkan mutu permainan yang menarik ketika menentang Kedah akan dapat mengulangi kecemerlangannya dalam menjaringkan gol 'semangat'.

Begitu juga dengan Ak. Momin dan Ishak Haji Yusof supaya akan dapat membuat umpanan-umpanan yang cantik di depan pintu gol lawan. Gandingan kedua pemain ini perlu bagi mengucar-kacirkan pertahanan lawan dan

memberikan Zamhari peluang untuk menjaringkan gol.

Selepas bertemu Sarawak, pasukan kita akan menemu Pulau Pinang pada 10 Ogos dan Selangor Darul Ehsan pada 7 Ogos.



TERSELAMAT ... pergelutan di depan pintu gol Kedah. Dalam perlawanan ini kita hanya mampu seri 2-2 dengan Kedah. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



Piala '87 Malaysia

Kejohanan Tinju Kebangsaan

NEGARA HAMPIR BOLOT SEMUA KEJUARAAN

PETINJU-petinja negara beraksi dengan cemerlang di malam pertama dan kedua Kejohanan Tinju Kebangsaan dan Jemputan di Pusat Belia. Di malam pertama, petinju-petinja negara memenangi lima dari tujuh perlawanan manakala di malam kedua pula enam petinju negara memenangi perlawanan mereka dari lapan perlawanan.

Ismail Ali yang beraksi dalam bahagian Middle Weight menumpaskan petinju Sabah Julius Onic dengan pukulan K.O. di pusingan pertama. Terdahulu sebelum itu, dalam pusingan tersebut Julius Onic begitu agresif dengan melancarkan serangan-serangan tetapi gagal menepati sasarannya dan peluang tersebut dipergunakan dengan baik oleh Ismail dan selanjutnya menyerang Julius bertubi-tubi hingga tersungkur di tepi gelanggang.

Dalam bahagian Light Weight, Ak. Abdul Rahman bin Pengiran Haji Mohiddin menewaskan Dara Singh dari Sabah dengan pukulan T.K.O. di pusingan ketiga setelah petinju Sabah itu mendapat cedera. Dalam pusingan pertama dan kedua Ak. Abd. Rahman banyak melancarkan serangan ke bahagian muka Dara Singh sehingga dia hanya bertahan saja di tepi gelanggang.

Petinju-petinja negara terus meraih kejayaan apabila Rosli Haji Abd. Rahman menundukkan petinju Sarawak Kong Lan Kiong di pusingan kedua dalam bahagian Pin Weight. Dalam kedua-dua pusingan itu petinju Sarawak gagal memberikan tentangan dan terpaksa menyerah dengan pukulan K.O.

Tiga petinju negara yang lain iaitu Chew Kuei Sen, Abu Bakar Haji Puit dan Bungsu Haji Puit juga memenangi perlawanan-perlawanan mereka. Chew Kuei Sen menewaskan Petinju Thai Seree Chenysaeng dalam bahagian Walter Weight. Abu Bakar Haji Puit menewaskan Jesus Gidong dari Sabah dalam bahagian Bantam Weight dan Bungsu Haji Puit menewaskan Yek Yieng Biang dari Sarawak dalam bahagian Walter Weight.

Bagaimanapun seorang petinju dari Sabah dan seorang petinju Sarawak berjaya menyekat petinju-petinja negara dari menguasai keseluruhan perlawanan. Paul Strikland dari Sarawak menundukkan Ak. Momin bin Pengiran Haji Rahman dalam bahagian Light Weight. Paul Strikland yang banyak menguasai




perlawanan tersebut melancarkan tumbukan-tumbukan tepat ke arah Ak. Momin dan selanjutnya memenangi perlawanan dengan pukulan K.O. dipusingan kedua.

Sementara itu dalam bahagian Fly weight, petinju Sabah Micheal Walters menewaskan Ramadan Taha di mana Ramadan gagal memberikan tentangan sengit sepanjang perlawanan.

Terdahulu sebelum itu di malam pertama lima dari tujuh petinju negara berjaya menewaskan petinju-petinja Thai. Vonning Sikoming menewaskan Suthep Khanteekun dalam bahagian Fly Weight. Kalam Rahman Abdullah menundukkan Bontham Tonsun dalam bahagian Bantam Weight. Semua Kuda menewaskan Sirisap Meeva dalam bahagian Light Middle Weight dengan pukulan K.O. di pusingan kedua dan Talana Sittau mengalahkan Wichan Hoel dalam bahagian Fly Weight dengan pukulan T.K.O. di pusingan ketiga.

Begitupun, dua petinju Thai iaitu Saraechai Intawono menewaskan Rogo Abi dengan pukulan K.O. di pusingan kedua dalam bahagian Feather Weight. Somdech Sean In mengalahkan Abas Haji Patra dengan pukulan K.O. di pusingan pertama juga dalam bahagian Feather Weight.

GAMBAR atas kiri dan kanan memperlihatkan aksi-aksi perlawanan tinju di antara petinju-petinja negara kita dan Thailand dan dalam Kejohanan Tinju Kebangsaan yang dilangsungkan di Pusat Belia baru-baru ini. — Gambar oleh Harun Rashid.



MENANG... Petinju kita diisytiharkan sebagai pemenang dengan menewaskan petinju dari Negeri Thai (atas).

MENGERUNKAN... Begitulah aksi kedua-dua petinju dari negeri Thai yang mempersembahkan 'Boxing Siam' di Kejohanan Tinju Kebangsaan. — Gambar oleh Harun Rashid.

Negara kita sertai tiga kejohanan di Bangkok

BRUNEI Darussalam akan menyertai tiga kejohanan Sekolah-sekolah ASEAN yang berumur 18 tahun kebawah yang akan berlangsung di Kota Bangkok, Thailand minggu depan.

Kejohanan tersebut ialah sepak takraw, olahraga dan ping pong Negara kita dikejohanan itu akan menghantar seramai 35 orang kontinjen termasuk pegawai. Kejohanan itu akan bermula dari 13 hingga 16 Ogos.

Sebagai persiapan bagi menghadapi kejohanan itu, latihan pusat telah dijalankan sejak 20 Jun yang lalu.

Skim latihan badminton bagi belia-belie

BEKAS pemain Biala Thomas dan jurulatih badminton Malaysia, Awang Phua Ah Hua akan mengendalikan skim latihan badminton bagi belia-belie di negara ini.

Awang Phua Ah Hua yang pernah melatih Haji Misbun, Razib dan Jailani telah tiba di Brunei Darussalam bulan lalu dengan menjawat jawatan jurulatih badminton.

Skim latihan badminton ini dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan bagi melatih belia-belie terutama penuntut-penuntut sekolah yang berminat bagi menyediakan pemain yang berpotensi bakal mewakili negara ke perlawanan badminton antarabangsa.

Latihan ini terbuka kepada belia-belie dan penuntut-penuntut yang berumur antara 12 hingga 15 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara.

Latihan dan pendaftaran akan dimulai pada hari Ahad, 9 Ogos, 1987 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dari jam 8.00 hingga 10.00 pagi dan dari jam 2.00 hingga 5.00 petang.

Mereka yang berminat bolehlah datang pada tarikh dan masa tersebut dengan membawa kad pengenalan, reket dan pakaian sukan. Pendaftaran dan latihan tidak dikenakan apa-apa bayaran.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Hadiri Perkhemahan Belia Antarabangsa di Republik Korea

DUA orang perwakilan belia negara ini telah menghadiri Perkhemahan Belia Antarabangsa kali ke-22 yang telah berlangsung di Republik Korea.

Mereka terdiri dari Awang Tamimi bin Haji Sulaiman dan Awang Mozani bin Haji Anuar. Perkhemahan itu berlangsung selama 10 hari bermula dari 21 hingga 31 Julai yang lalu.

Antara lain perkhemahan itu bertujuan untuk memupuk rasa persefahaman (mutual understanding) di antara para belia yang datangnya dari beberapa buah negara.

Perkhemahan yang berlangsung di Seoul itu dipenuhi dengan berbagai-bagai kegiatan termasuk mengadakan kerja-kerja kemasyarakatan di samping mempelajari cara hidup dan adat resam belia-belie yang menghadiri perkhemahan itu. Selain daripada itu acaranya juga meliputi syarahan, taklimat serta lawatan sambil belajar.

Ini adalah kali keempat Majlis Belia-Belia Brunei dijemput untuk menghadiri khemah seperti ini yang dianjurkan oleh The Korean National Commission for UNESCO.



DUA orang perwakilan belia yang menghadiri Perkhemahan Belia Antarabangsa di Republik Korea sejurus sebelum bertolak.



Setem kenang-kenangan

ASEAN yang dianggotai oleh Negara Brunei Darussalam pada 7 Januari, 1984, telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967. Ogos 1987 ini akan menandakan kewujudan ASEAN selama 20 tahun. Sepanjang 20 tahun yang lampau, ASEAN telah berusaha mencapai matlamat utamanya iaitu mengadakan kerjasama yang lebih luas di kalangan negara-negara anggotanya.

Tujuan ASEAN ditubuhkan ialah bagi mewujudkan, melalui kerjasama, satu masyarakat yang aman, makmur dan tahan lasak dengan tujuan menambahkan kemajuan ekonomi dan keman-tapan sosial serta mempereratkan lagi pertalian kebudayaan di kalangan negara-negara anggotanya. Untuk tujuan ini, lapang jawatankuasa telah dibentuk seperti berikut: Jawatankuasa Perusahaan Logam dan Tenaga (COIME), Jawatankuasa Perdagangan dan Pelancongan (COTT), Jawatankuasa Kewangan dan Bank (COFAB), Jawatankuasa Kewangan dan Bank (COFAB), Jawatankuasa Pengangkutan dan Perhubungan COTAC), Jawatankuasa Makanan, Pertanian dan Perhutanan (COFAP), Jawatankuasa Sains dan Teknologi (COST), Jawatankuasa Perkembangan Sosial (COSD) dan Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan (COCI).

Pertubuhan ASEAN telah dapat menghasilkan dua sidang kemuncak. Sidang Kemuncak Bali yang telah berlangsung dalam bulan Februari 1976 telah memberi dorongan yang baru kepada ASEAN sebagai suatu kuasa yang berwibawa bagi persefahaman serantau dalam hal-hal kerjasama di masa-masa yang akan datang. Ketua-ketua kerajaan mengambil langkah memperkuat, memperluaskan dan mempercepatkan aktiviti-aktiviti ASEAN dalam semua lapangan dengan membuat arahan-arahan baru untuk dilaksanakan dalam rancangan tindakan-tindakan ASEAN. Dalam sidang yang sama, satu perjanjian telah dibuat bagi menubuhkan Sekretariat ASEAN sebagai jentera pusat bagi pertubuhan tersebut.

Dalam dekad yang pertama, ianya adalah dinilai sebagai satu tempoh bagi meletakkan asas ASEAN untuk menjadikannya pertubuhan yang dinamik dan pada asas inilah timbulnya "SEMANGAT ASEAN," yang saling percaya, mempercayai, bersatu padu, bersefahaman dan bekerjasama dengan erat. Tugas utama ialah memulakan program tindakan-tindakan dalam semua lapangan bagi membuka jalan untuk membuat perkembangan-perkembangan masa depan.

Dalam dekadnya yang kedua, ASEAN telah dapat menghasilkan kemajuan yang konkrit yang menguntungkan penduduk negara-negara anggota ASEAN. ASEAN melangkah ke arena antarabangsa dengan mengadakan dialog dengan negara-negara ketiga. Kemajuan ekonomi dan perkembangan sosial telah dicapai menjadikan ASEAN sebagai kuasa yang berkewibawaan setanding dengan badan-badan antarabangsa yang lain dalam arena antarabangsa, justeru itu menjadikan ASEAN sebagai satu perkumpulan serantau yang dihormati.

Pembetulan

KETERANGAN gambar pada muka surat 9 keluaran Pelita Brunei 29 Julai, 1987 adalah dengan ini dibetulkan bagi sebulan nama kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Dawi dan bukan 'Pengiran Anak Abd. Dawi' seperti yang disiarkan itu. Atas kesilapan ini Pelita Brunei minta maaf.



INILAH tiga jenis rekabentuk setem sempena memperingati 20 tahun ASEAN yang akan dijual di semua Pejabat-Pos seluruh negeri pada 8 Ogos ini. Setem-setem tersebut yang bernilai 20 sen, 50 sen dan \$1 dicipta oleh Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim dan dicetak oleh Security Printers (M) Sdn. Berhad, Malaysia. Sampul surat hari pertama akan dijual dengan harga 45 sen setiap satu.

PULAIE. — Seminar Mengenai Agama Islam bagi pegawai-pegawai, kakitangan dan orang-orang tertentu berketurunan Cina yang diadakan akhir Julai lalu bukan bertujuan untuk memaksakan agama Islam itu ke atas mereka di negara ini.

Pemilihan mereka untuk mengikuti seminar itu juga tidaklah bermaksud bahawa orang-orang Islam curiga terhadap mereka.

Ini telah dijelaskan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Kahar, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama ketika merasmikan seminar tersebut yang berlangsung 29 Julai lalu

bertempat di Pusat Dakwah Islamiah di sini.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman menambah, melalui seminar demikian kementerian berkenaan berharap akan dapat memberikan maklumat-maklumat yang berfaedah berhubung dengan agama Islam kepada para peserta

Seminar mengenai Agama Islam BUKAN BERTUJUAN UNTUK MEMAKSAKAN

dan lain-lain keturunan yang menjadi rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara ini, yang mana agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Beliau berkata, adalah juga diharapkan supaya orang-orang Islam dan bukan Islam akan terus bekerjasama, antara lain untuk mengekalkan

keadaan hidup berbaik-baik di kalangan rakyat dan penduduk sebagai menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman serta pembangunan negara ini.

Menurutnya, salah satu unsur penting bagi menjamin kejayaan pembangunan dan ketenteraman itu ialah dengan mengelakkan rasa curiga di kalangan berbagai puak yang menganut berbagai agama dan kepercayaan di negara ini.

"Dengan adanya muhibah di kalangan berbagai puak keturunan yang berbeza agama dan kepercayaan itu dapatlah kita (orang-orang Islam dan bukan Islam) mengelak sebarang salah faham atau putar belit mengenai kedudukan agama Islam dan perkembangannya dalam berbagai sektor kehidupan di negara ini," kata Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman berkata, dengan adanya saling muafakat di harap di kalangan orang Islam sendiri tidaklah timbul sebarang

sikap melampau dalam beragama yang mana sikap demikian hanya akan memecahkan perpaduan ummah.

Mengenai hidup berbaik-baik antara orang Islam dan bukan Islam, beliau menyatakan tulisan Yang Dimuliakan Pehin Mufi Kerajaan Negara Brunei Darussalam pada 28 Januari, 1984 sebagai berikut:

"Orang bukan Islam yang bernaung dalam negeri Islam dan diam tetap dalam negeri Islam kita jangan buat zalim dan aniaya ke atas mereka, jangan tipu daya dan curang ketika bermuamalah dan berniaga dengan mereka dan kita buat baik kepada mereka menurut yang dilulus dan diberikan Islam kepada mereka dan juga kepada orang yang dibenarkan masuk dalam negeri Islam."

Dengan demikian, kata Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman agama Islam mempunyai sikap toleransi yang antara lain bertujuan bagi menyelamatkan perpaduan berbilang kaum yang berterusan di kalangan masyarakat demi membolehkan negara terus membangun dan keselamatan dapat dijamin.



DATO Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Kahar, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (empat dari kiri) serta lain-lain jemputan khas di Majlis Seminar Mengenai Agama Islam baru-baru ini. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ketengahkan rantau ini dalam bentuk perspektif sebenar

BANDAR SERI BEGAWAN. — ASEAN-COCI menyedari bahawa rantau ini perlu diketengahkan kepada dunia dalam bentuk perspektifnya yang sebenar.

Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani berkata, jika dunia ingin mengetahui akan krisis dan pertikaian yang dihadapi oleh rantau ini, adalah harus untuk mereka juga mengetahui akan kejayaan yang telah dicapai.

"Akan tetapi kita juga menyedari bahawa itu bukanlah tanggungjawab mereka," kata Pengiran Badaruddin ketika menutup

rasmii Bengkel Seminar bagi Wartawan-Wartawan ASEAN, Agensi Berita serta Pertubuhan-Pertubuhan Berita yang telah dilangsungkan di Rumah Persinggahan Kerajaan di sini pada 29 Julai yang lalu.

Menurut Pengiran Badaruddin, kesemuanya itu adalah menjadi tanggungjawab kita terutama sekali wartawan-wartawan ASEAN mestilah komited ke arah tanggungjawab tersebut.

Walau bagaimanapun, katanya kita perlu mempela-jari dari rakan kita di barat dan menghindarkan diri kita dari jatuh terperangkap dalam objektif prejudis mereka.

Kita menurut Pengiran Badaruddin tidak dapat menafikan kenyataan bahawa ASEAN adalah rantau yang mempunyai banyak sumber berita memandangkan dari sudut kenyataan bahawa agensi-agensi berita yang besar telah sama ada menubuhkan pejabat-pejabat baru atau menambah bilangan koresponden mereka di rantau ini.

"Kita juga tidak dapat menafikan terhadap kenyataan yang mana kebanyakan bahan yang dijadikan berita oleh agensi-agensi berita adalah merupakan bahan-bahan yang tidak dapat diolah oleh ANEX sendiri," menurut Pengiran Badaruddin lagi.



PENGIRAN Badaruddin bin Pg Ghani, Pengarah Penyiaran dan Penerangan ketika bercap menutup rasmii Bengkel Seminar Bagi Wartawan-wartawan ASEAN, Agensi Berita serta Pertubuhan-Pertubuhan Berita baru-baru ini. — Gambar oleh Pg Abu Bakar PHO.